



STATISTIK KERATAN AKHBAR MEI 2024

BIL	TAJUK PERKARA	SUMBER/MUKA SURAT	TARIKH	BAHAGIAN/FAIL
1	PM MAHU PENJAWAT AWAM PANTAS DAN CEKAP LAKSANA TUGAS	BERITA HARIAN MS 02	08.05.2024	SEMASA
2	ADAPTASI AI DALAM KERAJAAN	HARIAN METRO MS 16	08.05.2004	SEMASA
3	KOMUNIVERSITI PACU TURUN PADANG	UTUSAN MALAYSIA MS 15	09.05.2024	RENCANA
4	PELAJAR IPT DAPAT AKSES MAKLUMAT, KAJIAN DUA MINGGU LAGI	SINAR HARIAN MS 05	11.05.2024	KPT
5	KENAIKAN GAJI PENJAWAT AWAM PERLU SEIRING BUDAYA KERJA CEKAP	BERITA HARIAN MS 11	11.05.2024	SEMASA
6	SENTIASA MUHASABAH DIRI, USAH TERTIPU NIKMAT DUNIA SEMENTARA	BERITA HARIAN MS 39	12.05.2024	AGAMA
7	KURANGKAN JURANG ANTARA INDUSTRI DAN AKADEMIA	UTUSAN MALAYSIA MS 17	13.05.2024	RENCANA
8	MPP UiTM LEGA KPT TAK AMBIL PELAJAR BUKAN BUMIPUTERA	BERITA HARIAN MS 04	17.05.2024	KPT
9	KPT PEGANG TEGUH AKTA 173	HARIAN METRO MS 17	17.05.2024	KPT
10	BELIA TVET PERTANIAN PENTING, PASTIKAN KETERJAMINAN AGROMAKANAN	SINAR HARIAN MS 18	17.05.2024	SEMASA
11	KERAJAAN JAMIN TIADA PEMOHON TVET DITOLAK	UTUSAN MALAYSIA MS 04	21.05.2024	SEMASA
12	LEPASAN SPM DISARAN TINGKAT ILMU, KEMAHIRAN	UTUSAN MALAYSIA MS 23	21.05.2024	SEMASA
13	PEMOHON GUNA UP_TVET DIJAMIN DAPAT TEMPAT	BERITA HARIAN MS 05	21.05.2024	SEMASA
14	PENDEDAHAN AWAL LITERASI DIGITAL LAHIR PENGGUNA BERTANGGUNGJAWAB	BERITA HARIAN MS 09	23.05.2024	SEMASA
15	PENGHAYATAN AL-QURAN SERLAH WAJAH ISLAM SEBENAR	BERITA HARIAN MS 12	23.05.2024	AGAMA
16	DALAMI ILMU TVET DI JERMAN	UTUSAN MALAYSIA MS 07	23.05.2024	SEMASA
17	MAHASISWA HANYA 'BELAJAR', GAGAL PENUHI PASARAN KERJA	UTUSAN MALAYSIA MS 17	23.05.2024	RENCANA
18	TINGKAT KESEDARAN ISU KESIHATAN MENTAL MAHASISWA ELAK LEBIH SERIUS	BERITA HARIAN MS 13	23.05.2024	SEMASA
19	840 GRADUAN KECERDASAN BUATAN DALAM TEMPOH ENAM TAHUN	UTUSAN MALAYSIA MS 16	23.05.2024	KPT
20	SYARIKAT SWASTA MASIH 'KURANG KESEDARAN' AMBIL GRADUAN TVET	BERITA HARIAN MS03	30.05.2024	SEMASA

JUMLAH KESELURUHAN : 20

Rabu, 8 Mei 2024 BH



Anwar pada Majlis Perhimpunan Bulanan Bersama Warga Kementerian Kewangan di Putrajaya, semalam.
(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

PM mahu penjawat awam pantas dan cekap laksana tugas

Anwar yakin sikap kakitangan mampu ubah landskap ekonomi ke arah lebih baik

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim yakin peta dan landskap ekonomi Malaysia akan berubah ke arah lebih baik dan akan terus menjadi perhatian dunia dari segi pelaburan jika penjawat awam mengamalkan kecekapan dan melaksanakan tugas dengan pantas.

"Jadi, saudara tumpu ini dan saudara lihat, peta ekonomi, landskap ekonomi kita akan berubah dan saya yakin. Penjawat awam mesti tumpu perkara itu, yang lain, simpang-siur sepak terjang (politik), itu serah kepada saya dan kawan-kawan."

"Saudara tumpu (hal) ini kerana Malaysia ada keupayaan sekarang, bukan sahaja dari segi pertimbangan antarabangsa, tetapi harapan dari segi pelaburan," tegas Perdana Menteri ketika menyampaikan amanat pada Perhimpunan Warga Kementerian Kewangan, di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP), Datuk Johan Mahmood Merican.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) dan Pameran Keselamatan

Kebangsaan (NATSEC) Asia 2024 di ibu negara adalah contoh terbaik Malaysia menjadi tarikan dunia kerana berjaya menarik minat lebih 1,000 pempamer dari lebih 60 negara.

"Sebab itu saya keras kadang-kadang dengan segelintir kecil penjawat awam yang menyimpang daripada semangat ini. Saya juga gesa masyarakat dan media berlaku adil, jangan umpamanya, sikap dan salah laku yang kecil itu menggambarkan disiplin seluruh penjawat awam," katanya.

Jamin pelarasan gaji

Mengenai pelarasan gaji, Anwar mengulangi jaminannya supaya penjawat awam tidak bimbang dengan keputusan seperti diumumkan baru-baru ini kerana kerajaan sudah melakukan kerja dasar dan tahu dari mana sumber kewangannya.

"Apabila kita umum, itu selepas kerja dasar dilakukan. Kita tahu dari mana kewangannya, kita tahu hasilnya berapa dan kita dapat lihat, umpamanya seperti (pelaburan) Microsoft, itu dimulakan tahun ini. Bila ACWA (syarikat Arab Saudi, ACWA Power) datang? Dalam dua minggu mereka datang."

"Bukan bermakna ini rencana tiga atau empat tahun. Jadi kalau ada usaha sebegini, kita yakin pendapatan negara akan bertambah, mutu khidmat penjawat awam akan lebih baik dan hasil kita akan bertambah," katanya sambil ulang membidas pembangkang yang memperlekehkan usaha kerajaan menaikkan gaji penjawat awam.

Tegas Perdana Menteri, pembangkang perlu diberi pemahaman yang betul mengenai pela-

rasan gaji supaya ia tidak mengelirukan penjawat awam.

"Kalau dia nak tahu, ada sesi. Biar Amir (Menteri Kewangan II) dan Johan (KSP) bagi kuliah kepada beberapa pemimpin pembangkang mengenai ekonomi dan bagaimana kita uruskan. Kalau tidak nanti dia bingung, bila bingung, dia cerca di khalayak dan orang keliru."

"Ketika mereka perintah, potong elau dan suruh rakyat ikat perut. Jadi jangan perlekehkan usaha kita kerana saya tahu sukar. Saya merenung berbulan-bulan, mesyuarat berpuluh kali," katanya.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri berkata, beliau akan membentangkan mengenai penggunaan digital dan kecerdasan buatan (AI) dalam perkhidmatan kerajaan pada mesyuarat Kabinet hari ini, selari komitmen yang sudah dipersetujui secara dasar dan secara tidak langsung memudahkan pelabur datang ke Malaysia.

Komitmen sama juga diminta oleh pelabur di negara dilawatinya sebelum ini dan Anwar berkata, syarikat terbabit mahukan kepastian itu selepas berbincang dengan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) serta kementerian berkait perihal tenaga.

"Mereka mahu beberapa kepastian daripada saya mengenai third party access, soal macam Microsoft, cloud computing. Semua hal itu, bila dapat, saya beri penjelasan, kemudian kemungkinan perubahan dari segi digital dalam AI dalam kerajaan. Saya kata, itu komitmen kita, kita sudah setuju pada dasar," katanya.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: ADAPTASI AI DALAM KERAJAAN

SUMBER: HARIAN METRO MUKA SURAT : 16

TARIKH : 08/05/2024

Adaptasi AI dalam kerajaan

Langkah dapat permudah urusan pelabur berminat melabur dalam negara

Putrajaya

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim akan membentangkan mengenai pendigitalan dan pengadaptasi kecerdasan buatan (AI) di dalam kerajaan semasa mesyuarat Kabinet, hari ini.

Beliau berkata, ia adalah selari dengan komitmen kerajaan yang telah dipersejui secara dasar, secara tidak langsung juga memudahkan urusan para pelabur yang berminat untuk melabur di Malaysia.

“Kita sudah setuju pada dasar. Esok dalam mesyuarat kabinet saya akan perkuuhkan...masih ada kadang-kadang keengganan atau pun kegusaran jabatan-jabatan kerana hendak control server masing-masing.

sing.

“Itu pemikiran tahun 1980-an. Kita mesti jelaskan kepada mereka dan saya jelaskan juga kepada Microsoft, Google, kita akan perluaskan melainkan (yang melibatkan) isu-isu keselamatan khusus. *National security* itu dikecualikan yang lain itu mesti mengalami perubahan,” katanya ketika berucap pada perhimpuan bersama warga Kementerian Kewangan, di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, beliau sudah mengadakan perjumpaan dengan beberapa syarikat besar di dunia dan terkini dengan Microsoft yang sudah mengumumkan pelaburannya di sini.

Nilai pelaburan yang dibuat itu besar dan bukan sahaja yang telah diiumum-



PENJAWAT awam melihat buku Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028 pada majlis peluncuran NACS semalam.

PELABURAN SAUDI ARAMCO

Bertemu Petronas dulu

Putrajaya: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim akan bertemu dengan Petroliam Nasional Berhad (Petronas) minggu ini untuk membincangkan mengenai projek syarikat minyak negara dengan Saudi Aramco di Kompleks Bersepadu Pengerang, Johor.

“Saya akan bincangkan dengan Petronas dalam masa satu-dua hari ini kerana ada tiga perkara pokok, dua sudah selesai...satu ada masalah sedikit yang harus kita putuskan di peringkat kerajaan,” katanya.

Oktoper lalu, Anwar berkata, Saudi Aramco komited perluaskan fasilitinya di Kompleks Bersepadu Pengerang, Johor dengan menambah aktiviti hiliran petrokimia dan gas supaya ia menjadi hab terbesar di Asia Tenggara.

Saudi Aramco ialah salah satu daripada syarikat tenaga dan kimia bersepadu terbesar di dunia.

kan, tetapi juga hal-hal lain yang dirundung secara terperinci antaranya soal latihan, kerjasama dengan universiti dan pusat penyelidikan, katanya.

“Semalam saya bermesyuarat dengan Google. Walaupun secara dalam talian tetapi ada komitmen mereka dan mereka berada dalam semangat yang sama.

“Dengan syarikat ACWA pula, syarikat gergasi teknologi yang bukan sahaja besar di Arab Saudi, tetapi di dunia. Saya berbincang panjang bersama kementerian yang lain dan ia mahu beberapa kepastian dari

saya mengenai *third party access* dan *on cloud computing*,” katanya.

Menerusi hantarnya di Facebook, Anwar kelmarin berkata, beliau sudah mengadakan persidangan secara maya bersama Presiden dan Ketua Pegawai Pelaburan Alphabet dan Google, Ruth Porat.

Pada sesi tersebut, Ruth memaklumkan kemajuan rangka tindakan bidang yang boleh diperluaskan pihaknya di Malaysia berdasarkan penerangan sebelum ini oleh Perdana Menteri mengenai misi dan tumpuan kerajaan Malaysia.

Rencana

UIAM BERHUJAH

Oleh
Dzulkifli
Abdul Razak

CADANGAN yang menteri mesti turun ke padang oleh seorang bekas timbalan menteri pendidikan ekoran teguran Laporan Bank Dunia ke atas kelemahan sistem pendidikan kita baru-baru ini cukup kena pada tempat dan masanya.

Ungkapan ‘turun padang’ kali ini lebih sarat daripada retorik yang lazim difahami. Yakni bukan peluang penggambaran serta publisiti untuk siaran media atau media sosial bagi mempromosi diri. Tidak bertujuan menghebohkan seseorang kenamaan atau peristiwa semata-mata sempena meletakkan kaki di tempat-tempat yang dikatakan tidak layak baginya. Seolah-olah satu ‘pengorbanan’ besar bagi ego yang terlibat.

Lantas, diuar-uarkan seluas mungkin semoga diangkat kedudukannya di mata ramai.

Dan dikekalkan pelantikan, walaupun keberadaannya tidak sempat pun mengeluarkan peluh, apa lagi memahami dan menyelesaikan masalah yang sudah lama mengikat kehidupan rakyat teramai. Mereka terus miskin kedana, tercincir dalam arus perdana Revolusi Industri (IR) 4.0 dan 5G misalnya. Kini kecerdasan buatan (AI) tanpa roh pula tergil-gila. Sedangkan IR 2.0 berkaitan bekalan elektrik masih tidak kunjung tiba.

Selaras enam dekad merdeka. Begitu juga sarana asas lain yang tidak sama rata pembangunannya. Kadang kala, perancangan tergendala. Terpaksa memanjat pokok sebagai prasarana untuk capai internet jua.

Jadi, turun padang setakat menunjuk muka sepintas lalu, membuat pengumuman politik cabuk, kemudian terbang pulang sepanjang kilat, sudah lesu. Apakah lagi dibuat pada saat-saat terakhir untuk menghabiskan masa terluang, bagai melepaskan batuk di tangga sahaja. Tidak sedalam contoh-contoh yang dilalui bekas timbalan menteri berkenaan. Berjalan kaki ke sekolah pendalam untuk sembilan jam. Bayangkan apa lagi yang anak-anak murid lalui setiap hari sekolah.

Maka tidak hairanlah ada yang menyangkal, terutama yang termakan cili. Cukup cepat berkata itu dan ini, sekali gus cuba menegakkan benang yang basah tanpa usul periksa. Dengan tercatatnya berbagai bukti pengalaman yang pahit,



KETUA Perlembagaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah ketika merasmikan buku *SDG18-Spirituality Values & Culture for Humanizing Sustainable Development, A Future Worldview* di UIAM Kampus Gombak, baru-baru ini.

Komuniversiti pacu turun padang

mahu tidak mahu terpaksa diterima seadanya menolak sifat munafik yang agak kerap berlaku kebelakangan ini. Lalu merenggangkan lagi hubungan yang sudah genting bersama rakyat. Seolah-olah mengisyaratkan akan amalan selama ini agak nafsi-nafsi belaka. Hanya untuk mengaburkan penglihatan ramai.

Suatu pendedahan yang menuntut perkiraan terhadap cabaran yang dilontarkan - bermalam dirumah panjang kerana kepentingan mutlak pendidikan untuk semua, menghargai undi yang diberi. Kalah apa lagi! Jika tidak kelompongan yang ada akan tetap meronta-ronta dalam jiwa selama-lamanya.

Apakah lagi, orang yang mencabar dan yang tercabar berada dalam kerajaan yang sama. Lebih cepat dibereskan, lebih baik kesepadanannya. Tidak tuduh menuduh pula.

MODEL KOMUNIVERSITI

Memandangkan soal turun padang ini tidak tertumpu pada mana-mana sektor, khasnya pendidikan, maka Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) turut terpanggil menyahut panggilan yang sama sejak tiga tahun lalu, sebelum Covid-19.

Selepas menginsafi pengalaman pandemik sejak 2019, universiti menyemak semula kerangka ilmiah untuk

disesuaikan dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030 yang diuar-uarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada akhir tahun 2015, yakni setahun awal dari gagasan IR 4.0 oleh Forum Sedunia Davos.

Malaysia cenderung memilih tawaran 4.0 berbanding SDG 2030. Entah kenapa - tetapi yang jelas kita tercincir dalam bab turun padang untuk mengakarumbikan kerja di sana. Untuk cakap serupa bikin (juga sebagai *Community Social Benefactors* (CSB) seperti yang ditekankan SDG 2030 diseluruh dunia, transformasi mesti berlaku.

Maknanya, UIAM mesti mengorak langkah membuat perubahan sewajarnya, yang kini dikenali sebagai Kerangka Ilmiah Sejahtera (SAF) bertujuan mendakap anggota masyarakat keseluruhannya dengan lebih dekat lagi.

Ia melibatkan semua pelajar serta staf akademik, pentadbiran serta pengurusan, sebagai sumbangan utama bukan sekadar sulaman sampingan seperti sedia ada.

Setakat ini lebih 8,000 pelajar terlibat melaksanakan lebih 400 projek di anggaran 300 tempat khasnya desa pinggiran yang jarang dijejak. CSB merentasi tidak kurang 6,000 individu di merata pelosok Malaysia menjadikannya sebatи dengan gerak kerja mencakupi

wawasan UIAM serta tujuh misi utama dalam mendahului langkah Memanusiaikan Pendidikan.

Cogan ilmiah selama ini, *publish-or-perish* (cefab-atau-lenyap) diganti dengan *do-or-die* (lakukan-atau-mati) menekan peri pentingnya CSB dalam semua hal. Bukan acah-acah sahaja. Pengalaman yang diceruk terus dari anggota masyarakat merupakan permata mutiara yang tidak ada tolok bandingnya menggerakkan otak dan watak menjadi bijak. Tidak hapak!

Bukan lagi setakat melepas batuk di tangga. Malah menjadi sumber hikmah pendidikan hari muka. Keluar dari kepompong bilik darjah dan persekitaran sekolah ataupun universiti.

Namun, bukan pula sesuatu yang diada-adakan atas nama berpura-pura. Lebih kepada membentuk generasi budiman yang pandai menabur bakti buat pertwi sehidup semati. Turun padang, bukan lagi berpantang! Tetapi meletakkannya sebagai paksi tonggak bukan kepalang.

Ekoran itu, UIAM mengenepikan hiruk pikuk ranking atau penarafan atas kepercayaan dan sokongan kuat bekas menteri pendidikan tinggi serta penasihatnya ketika itu.

Usaha yang telah dimulakan hampir tiga tahun lalu berpotensi membawa perubahan satu lagi anjakan paradigma yang mirip CSB. Bergelar model

komuniversiti (*communiversity*) gabungan kata komuniti dan universiti dengan identiti sendiri. Bukan multiversiti!

Membawa peranan CSB sebagai tiang seri universiti hari muka bersandarkan SDG 2030 dan seterusnya. Ia menyelusuri jejak langkah Universiti PBB - Institusi Kajian Lestari di Tokyo. Pemetaan kearah ini sudah pun dilakukan pada persidangan global tahun lalu. Kini sedang giat dibincang di beberapa peringkat.

Terkini Turkiye dan Qatar. Sebelum itu Jepun dan Korea. Hujung tahun Amerika Utara dan Eropah. Sasarannya, pada 2025 kelak, model komuniversiti akan menjadi kenyataan di peringkat antarabangsa.

Sementara itu, negara tetangga meletakkannya sebahagian dari konsep Universiti Merdeka mereka.

Walaupun begitu cabarannya tidak calang-calang tatkala para peniaga dangkal masih menaigh kepercayaan piyah berwibawa yang ranking adalah segala-galanya khususnya kepada yang rabun, apa lagi buta.

Maka masa untuk berwaspadai memelihara generasi anak muda dengan jaminan cakap serupa bikin sudah tiba. Sehingga terlahirnya komuniversiti idaman abadi mencerminkan pendidikan yang hakiki.

Supaya tidak lagi berbelah bagi. Bukan sesuka hati. Tetapi mengikut ahli berani turun padang mengakari budi, bijak bestari berdasarkan komuniversiti! Berilmu beramal, suci murni. Tunggu apa lagi YB menteri?

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON
TAJUK: PELAJAR IPT DAPAT AKSES MAKLUMAT, KAJIAN DUA MINGGU LAGI

SUMBER: SINAR HARIAN MUKA SURAT : 05

TARIKH : 11/05/2024

Pelajar IPT dapat akses maklumat, kajian dua minggu lagi

Sinar 11/5/2024 Anwar

sekali lagi peringatan supaya pelajar ada akses kepada agensi-agensi dan maklumat yang sedia ada.

"... bagi kita dua minggu semula universiti akan terima, Menteri Liang Kang (Menteri Sains, Teknologi, dan Inovasi Chang Liang Kang) ada dia selaraskan.

"Saya bagi dua minggu slip untuk semua badan-badan penyelidikan yang terlibat antara kementerian dan akan disampaikan kepada semua universiti," katanya.

Beliau berkata demikian pada Sesi Temu Ahwar sempena program Malaysia Artificial Intelligence Nexus 2024 (MY AI NEXUS 2024) di sini pada Jumaat.

Terdahulu, Anwar melancarkan Fakulti

AI, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Konsortium Kecerdasan Buatan Malaysia (MAIC) dan Hala Tuju Bakat AI Malaysia 2024-2030.

Sementara itu, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Zambray Abd Kadir dalam ucapannya berkata, Fakulti AI UTM berjaya ditubuhkan tidak sampai empat bulan selepas diminta oleh kerajaan dengan kurikulum dipelopori pakar terdiri daripada cendekiawan tempatan dan luar negara.

Beliau berkata, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menerusi Fakulti AI juga menubuhkan MAIC melibatkan universiti awam dan swasta di negara ini yang akan mempunyai tumpuan dan fokus khusus

bagi setiap institusi.

"KPT menyahut seruan ini bagi membawa Malaysia bergerak pantas untuk menerajui bidang tujuan masa hadapan selari dengan ledakan transformasi digital global," katanya.

Justeru, Zambray berkata, negara perlu bersiap sedia melakukan anjakan sistem pendidikan negara dengan memanfaatkan AI dan Fakulti AI UTM akan menjadi pemangkin kepada sistem pendidikan bersepada bagi teknologi itu.

Selain itu, beliau berkata, ekonomi negara juga akan turut ditransformasilkan sebagai satu bentuk ekonomi baharu yang diintegrasikan dengan AI, bagi memacu pertumbuhan mampar dan berdaya saing.

KUALA LUMPUR - Pelajar di Institut Pengajian Tinggi (IPT) bakal mendapat akses kepada maklumat serta kajian sedia ada di peringkat kementerian dan agensi kerajaan dalam tempoh dua minggu, sebagai usaha memperkasakan teknologi kecerdasan buatan (AI) di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, akses itu akan diberikan menerusi pengkomputeran awan yang akan diselarasaskan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

"... pengkomputeran awan memang terbatas sekarang ini, (tapi) dasar baru kita, kita nak segerakan (akses maklumat dan kajian kepada pelajar)... melalui agensi nanti saya minta kementerian berikan

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: KENAIKAN GAJI PENJAWAT AWAM PERLU SEIRING BUDAYA KERJA CEKAP

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 11

TARIKH : 11/05/2024

BH Sabtu, 11 Mei 2024

Komentar 11

Kenaikan gaji penjawat awam perlu seiring budaya kerja cekap



Oleh Punitha Veni Muthusamy
bhrencana@bh.com.my

Penyelidik Kanan
Institut Tadbiran
Awam Negara
(INTAN)

Pengumuman kenaikan gaji penjawat awam mendapat sambutan dan sokongan begitu memberangsangkan. Keprihatinan kerajaan dalam usaha mengimbangi antara pendapatan dengan kos sara hidup penjawat awam seharusnya dihargai, seterusnya diterjemahkan dengan memantapkan prestasi penyampaian perkhidmatan berkualiti, cekap, tepat dan berkesan.

Soal kecekapan tidak hanya tumpu kepada pantasan pemberian perkhidmatan atau mempermudahkan proses pemberian dan penyampaian perkhidmatan, malah ia harus mengambil kira pengurusan sumber tenaga manusia, ruangan, logistik dan kemudahan optimum.

Ini berdasarkan trend dan perkembangan pen-digitalan, kecerdasan buatan (AI) serta perekayaan operasi perkhidmatan dan pengurusan setiap organisasi kerajaan.

Kenaikan gaji penjawat awam juga perlu disesuaikan dengan budaya dan cara bekerja lebih efisien. Sebagai penjawat awam, kita perlu bermuhasabah diri dan bersyukur tindakan kerajaan berusaha memudah cara kehidupan kita dengan kenaikan gaji ini. Semestinya ini menjadi dorongan kepada setiap penjawat awam sentiasa berusaha memiliki kompetensi tinggi, bersikap profesional dan melaksanakan tugas sebagai amanah dan tanggungjawab, bukan semata-mata punca kewangan.

Kerajaan sebagai majikan pula perlu mengambil kira keperluan penjawat awam tidak hanya ber-kisar sumber kewangan, bahkan suasana dan kemudahan disediakan kepada mereka untuk memberi perkhidmatan terbaik.

Pandemik melanda empat tahun lalu bukan hanya memberi cabaran dari segi memastikan per-

khidmatan sektor kerajaan terus disampaikan dengan pelbagai sekatan dan kekangan pergerakan, bahkan kemudahan serta kelengkapan dibekalkan untuk membolehkan penjawat awam meneruskan kerja pentadbiran dan pengurusan dari lokasi di luar pejabat tidak mencukupi.

Sudah tiba masa untuk kerajaan menimbang semula cara perkhidmatan beroperasi dan disampaikan. Kepesatan dan trajektori perkembangan digital harus dioptimumkan sepenuhnya.

Selain perkhidmatan penting dan kritikal memerlukan interaksi serta komunikasi fizikal, usaha juga perlu diterokai untuk melaksanakan tugas dalam talian dengan radas dan pengukuran petunjuk prestasi utama (KPI) bernas dan bertepatan. Sudah tentu, keselamatan dan kestabilan rangkaian serta capaian internet harus dipertingkatkan.

Penilaian prestasi, profesionalisme
Walaupun sistem bekerja fleksibel diperkenal dalam sektor awam dengan waktu bekerja anjal, sikap dan budaya itu hanya menumpukan soal kehadiran, bukan output, kualiti atau keberhasilan.

Kehadiran semata-mata tidak menjanjikan produktiviti dan keberhasilan. Selaras aspirasi kajian semula Sistem Persaraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang akan dilancarkan sepenuhnya 1 Disember ini, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) perlu melaksanakan pembaharuan dari segi budaya, pengoperasian, penilaian prestasi serta penjenamaan perkhidmatan awam progresif, inklusif dan terkinin.

Penilaian prestasi dan profesionalisme penjawat awam tidak hanya boleh dinilai dari segi hasil output pada akhir tahun, kehadiran ke pejabat, majlis, mesyuarat dan program keramaian sahaja. Ia harus menilai kualiti, kompetensi, sumbangan dari segi idea, membawa pembaharuan, pengaruh positif terhadap persekitaran tempat kerja, pro-

duktiviti, semangat dan imej organisasi. Majikan juga bertanggungjawab membangunkan bakat dan upaya sumber modal insan secara adil, objektif serta bersasar.

JPA juga perlu melihat semula pelaksanaan Dasar Pemisah kerana kerena birokrasi patut diperbaiki supaya menjadi lebih efisien dan tidak terus membebankan rakyat serta kerajaan dengan menampung sumber manusia tidak produktif.

Pelaksanaan penilaian 360 darjah tidak akan membawa sebarang makna jika hanya digunakan sebagai rutin pentadbiran setiap tahun. Dengan penggunaan sistem dan AI bersesuaian, data dan analisis dapatkan penilaian mesti digunakan untuk dikongsi dan diterjemahkan sebagai Pelan Tindakan Pemulihan.

Ia bagi penjawat awam memerlukan bimbingan, panduan atau terapi dan rawatan sebagai usaha majikan membantu sebelum keputusan diambil untuk memberhentikan atau mengekalkannya.

Tumpuan sama juga perlu diberikan kepada individu berprestasi tinggi dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap profesionalisme. Perancangan dan pelaksanaan pembangunan bakat bersasar serta mampan patut disediakan.

Persekutuan tempat kerja semakin mencabar dihimpit kos sara hidup tinggi, kesesakan, kesihatan mental dengan struktur sosial masyarakat lebih kompleks dengan lambakan dengan kerena media sosial, lambakan maklumat, keadaan iklim dan cuaca berubah dan kepesatan teknologi digital memberi kesan mendalam kepada semua termasuk penjawat awam yang tidak mungkin ditangani dengan kenaikan gaji sahaja.

Langkah Kerajaan Perpaduan dan kepemimpinan sektor awam membuka jalan untuk menambah baik persekitaran serta ganjaran menjadi suntikan baharu bagi penjawat awam berganding bahu merealisasikan aspirasi Malaysia sebagai negara progresif, aman dan makmur.

TAJUK: SENTIASA MUHASABAH DIRI, USAH TERTIPU NIKMAT DUNIA
SEMENTARA

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 39

TARIKH : 12/05/2024

BH AHAD 12 MEI 2024

39 8C

AGAMA

PERSPEKTIF

Sentiasa muhasabah diri, usah tertipu nikmat dunia sementara

Oleh Prof Dr Engku Ahmad Zaki Engku Alwi



Profesor Universiti Sultan Zainal Abidin Terengganu (Unisza)

Setiap bernyawa pasti akan mati, begitu juga manusia tidak boleh lari daripada ajal ditetapkan Allah SWT. Apabila ketentuan tiba, malaikat Izrail akan mencabut nyawa tidak kira di mana berada.

Firman Allah SWT: "Katakan (wahai Muhammad) sebenarnya maut yang kamu melaikan diri daripadanya itu, tetaplah ia akan menemui kamu, kemudian kamu akan dikembalikan kepada Allah Yang Maha Mengetahui segala yang ghaib dan nyata, lalu Dia memberitahu kepada kamu apa yang kamu lakukan (serta membalaunya)." (Al-Jumu'ah: 8)

Begitulah apabila nyawa terpisah daripada jasad, tinggalah segala apa dimiliki sama ada ahli keluarga, saudara-mara atau harta benda yang akan diwarisi. Jasad terburuk kaku akan diurus dan diantar ke kubur untuk dikebumikan.

Pada saat itu, kita akan melangkah ke alam lain, iaitu barzakh sementara menunggu hari pembalan di akhirat.

Kewujudan kematian dan kehidupan silih berganti dalam perjalanan hidup menunjukkan dunia bersifat sementara. Oleh itu, Islam datang menjelaskan hakikat penciptaan dan kejadian manusia berdasarkan kepada soalan: 'Dari manakah kita datang? Untuk apa kita datang? Dan ke mana pula kita akan pergi?'

Jawapannya, dari Allah kita datang; untuk Allah kita hidup dan kepada Allah jua kita akan kembali.

Persepsi Muslim amat jelas mengenai matlamat sebenar kehidupan dan kematian, iaitu jambatan menuju ke alam akhirat atau kebon yang seseorang akan menuai hasilnya di Hari Hisab.

Setiap saat, minit, jam dan hari bermakna kita semakin dekat de-

ngan alam kubur tetapi tidak tahu bilakah saatnya. Kita tidak tahu dan tidak mampu berbuat apa-apa mengenai kerana kematian adalah urusan Allah SWT.

Apa boleh kita lakukan adalah membuat persiapan menghadapi kematian. Katakanlah, kita diberitahu bekalan air di rumah akan terputus bila-bila masa sahaja, apakah akan kita lakukan?

Adakah kita akan tidak berbuat apa-apa hingga bekalan air terputus atau kita dengan segera membuat persiapan menyimpan air kerana bila-bila masa sahaja ia akan berlaku.

Kematian boleh datang bila-bila masa sahaja. Adakah kita biarkan sahaja hingga kematian itu datang atau bersegera membuat bekalan menghadapi detik berkenaan?

Tahukah kita bagaimanakah keadaan dalam alam kubur nanti? Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya pada tiap-tiap hari kubur akan menyeru: Akulah rumah dagang yang asing. Akulah rumah yang sunyi sepi. Akulah rumah yang penuh dengan tanah. Akulah rumah yang penuh dengan ulat." (Hadis riwayat Tirmizi dan Baihaqi)

Hakikatnya, kubur adalah tempat gelap dan sempit. Orang kafir dan fasik yang banyak melakukan dosa serta maksiat akan mendapat kubur amat gelap-gelita. Namun, golongan soleh akan mendapat kubur terang-benderang seperti malam diterangi bulan purnama.

Perlu diinsafi setiap manusia masuk dalam liang lahad akan dihimpit kubur. Rasulullah SAW merangkakan kubur akan menghimpit mayat hingga hancur luluh tulang rusuknya.

"
Kita perlu sentiasa muhasabah diri, seterusnya mempersiapkan diri dengan bekalan sebelum menghadapi kematian untuk menuju kehidupan hakiki"

Dalam satu riwayat, Rasulullah SAW pernah berdoa agar Allah SWT meringankan himpitan kubur atas anaknya, Zainab RA. Kalaulah anak Baginda tidak terlepas daripada himpitan kubur, apakah lagi kita yang banyak melakukan maksiat?

Justeru, bertaubatlah segera dan tinggalkan maksiat serta lakukan kebajikan agar dapat menghapus dosa kita sebelum kematian datang mendadak dan tiba-tiba mendapat diri di dalam kubur serta dihimpit dalam keadaan gelap gelita.

Rasulullah SAW bersabda: "Bawanya sesungguhnya kubur itu adalah sebuah taman daripada taman syurga atau sebuah gaung dari gaung neraka." (HR Tirmizi dan Baihaqi)

Orang banyak melakukan dosa dan sedikit pahalanya, akan mendapat kuburnya sempit hingga hancur luluh tulangnya, gelap gelita sekeliingnya, tiada berteman kecuali ulat, ulat, kala jengking dan segala serangga berbisa. Malaikat akan datang dan memukulnya dengan tukul besi hingga terpekkir mayat kerana kesakitan. Pekikan itu boleh didengar semua makhluk kecuali manusia dan jin. Begitulah keadaannya hingga hari Kiamat.

Kematian tak kenal usia

Sedarlah kita hidup di dunia hanya sebentar tetapi kehidupan di alam kubur lebih lama dan terlalu lama. Bayangkan, orang mati 1,000 tahun dahulu masih lagi diazab kerana Kiamat belum tiba.

Justeru, usah kita terpedaya dengan nikmat dosa sebentar yang boleh menyebabkan kita merana di kubur beribu tahun lamanya.

Apabila kita merasai kepenatan beribadat, keperitan berpuasa dan bersolat, ingatlah ia hanya sebentar sahaja, sedangkan ia boleh menyebabkan kita berehat di kubur beribu tahun lamanya.

Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya kubur ialah tempat perhentian pertama daripada tempat perhentian alam akhirat, oleh itu jika seseorang terselamat daripada huru-hara azabnya, maka huru-hara di tempat lain lebih ringan lagi kepadanya; dan jika ia tidak terselamat daripada itu, maka huru-hara di tempat lain lebih berat lagi." (HR Tirmizi dan Ibnu Majah)

Sedarilah kehidupan dunia bukanlah hakiki tetapi diibaratkan perhentian seorang musafir buat seketika untuk sampai ke tempat tujuannya. Justeru, setiap saat kematian sentiasa menghampiri kita untuk menuju ke alam akhirat.

Sesungguhnya kematian tidak mengenal usia dan kedudukan. Oleh itu, kita perlu sentiasa muhasabah diri, seterusnya mempersiapkan diri dengan bekalan sebelum menghadapi kematian untuk menuju kehidupan hakiki.

Persiapan awal ini amat penting bagi setiap Muslim kerana peluang kehidupan di dunia dikurniakan Allah SWT hanya sekali sahaja dan tiada lagi peluang kedua.

Perlu diinsafi antara ciri Muslim bijaksana adalah sentiasa melakukannya muhasabah diri dan membuat persiapan bagi menghadapi kematian.

Rasulullah SAW bersabda: "Orang paling bijaksana dalam kalangan kamu ialah orang bermuhasabah dirinya dan menyediakan bekalan amal soleh sebelum menghadapi kematian. Orang tidak bijaksana ialah orang terpedaya dengan pujukan hawa nafsunya dan sentiasa berangan-angan kosong terhadap Allah SWT mengharapkan ganjaran Allah tanpa berusaha)." (HR Tirmizi dan Ibnu Majah).



Rencana

NIK KHAIRUDDIN
NIK ISMAIL

DALAM era dikuasai dengan kemajuan teknologi yang pesat dan landskap industri yang dinamik, jurang antara akademia dan industri muncul sebagai halangan utama untuk menyediakan tenaga kerja yang dapat memenuhi tuntutan dunia kerjaya terutamanya dalam sektor industri yang melibatkan teknologi dan kejuruteraan yang bersifat dinamik dan cepat berkembang.

Jurang ini akan menjadi kesan yang signifikan apabila pertumbuhan ekonomi dalam sektor industri sedikit sebanyak beriringan dengan tahap kesiapsagaan kerja dalam kalangan graduan yang akan mula berkhidmat dalam sektor industri selepas tamat pengajian di institut pengajian tinggi (IPT).

Menyedari perkara ini, menjadi sesuatu yang penting bagi pemain industri dan akademia khususnya IPT untuk membina hubungan saling bergantung agar wujud kerjasama untuk menangani cabaran awal graduan semasa fasa peralihan daripada dunia akademik kepada dunia pekerjaan agar jalan bagi peralihan fasa ini berlalu dengan lancar.

Alam dunia akademia dan industri masing-masing beroperasi di atas landasan yang berbeza dengan tujuan dan ideologi yang mungkin berbeza. Graduan yang terhasil melalui dunia akademik perlu cepat dan berkeupayaan untuk beradaptasi secara tangkas apabila memasuki alam pekerjaan terutamanya dalam sektor industri yang melibatkan teknologi dan kejuruteraan yang dilihat sentiasa berevolusi secara signifikan.

Jika graduan lambat untuk beradaptasi dengan suasana, tempo dan cara bekerja dalam industri ia akan merencatkan sedikit sebanyak produktiviti industri. Jurang dalam fasa ini sangat perlu untuk dirapatkan antara akademia terutamanya IPT dan industri agar penyesuaian reka bentuk kurikulum dalam program-program yang dijalankan di IPT sentiasa dapat memenuhi keperluan dinamik tenaga kerja di industri.

Salah satu langkah penting dalam merapatkan jurang ini adalah penajaran dan penyesuaian kurikulum akademik secara menyeluruh untuk memastikan kerelevan dengan

Kurangkan jurang antara industri dan akademia



PENTING bagi pemain industri dan akademia khususnya IPT untuk membina hubungan agar wujud kerjasama untuk menangani cabaran graduan semasa fasa peralihan daripada dunia akademik kepada dunia pekerjaan. - UTUSAN

keperluan industri.

Mengambil kira perubahan eksponen yang sentiasa berlaku terutamanya dalam penggunaan teknologi dan kejuruteraan dalam pelbagai sektor industri, rangka atau reka bentuk kurikulum program-program di IPT mesti mengambil pendekatan yang berkesan agar sentiasa dapat disesuaikan dengan keperluan industri.

Penyemakan berkala serta pandangan daripada pengamal industri adalah penting. Walaupun asas teori penting, terdapat keperluan untuk menyokong metodologi pembelajaran dan penilaian dengan pendekatan yang lebih berobjektif dan selari dengan praktikal di industri.

Pemain dan profesional daripada industri dilihat perlu untuk memberikan sumbangan kepada pembangunan kurikulum dalam program-program di IPT. Program-program di IPT yang mempunyai Panel Penasihat Industri terutamanya program-program teknologi dan kejuruteraan harus memperkisas platform yang sedia ada tersebut untuk membentuk kerangka kurikulum yang lebih terarah dan relevan dengan kehendak industri semasa.

Melalui platform tersebut juga, profesional daripada

“
Jika graduan lambat untuk beradaptasi dengan suasana, tempo dan cara bekerja dalam industri, ia akan merencatkan sedikit sebanyak produktiviti industri.”

industri dan ahli akademik dapat mengenal pasti keperluan industri yang khusus dan memberikan pandangan berharga tentang kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan oleh graduan dalam bidang masing-masing. Kerjasama ini dilihat dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat. Graduan yang dapat menamatkan pengajian akan mendapat peralihan mereka kepada peranan terhadap industri lebih lancar. Majikan mendapat pekerja yang terlatih dan kesiapsiagaan bekerja yang baik.

Jurang ini juga dilihat dapat diatasi melalui IPT dengan menyediakan pendekahan yang sesuai dan

menghalang kemampuan mereka untuk menyampaikan pengetahuan praktikal secara berkesan. Inisiatif kolaboratif, seperti projek industri jangka pendek atau memperkisas program untuk menyokong latihan industri dalam kalangan akademik yang dijalankan bersama pakar industri, dapat mengatasi jurang pengetahuan ini.

Ahli akademik yang pernah mengalami pengalaman bekerja di industri sebelum menjadi ahli akademik di IPT juga perlu sentiasa terdedah dengan pengalaman industri semasa kerana pengalaman di industri sentiasa berevolusi dari semasa ke semasa terutamanya industri yang melibatkan teknologi dan kejuruteraan. Pendedahan terhadap pengalaman industri semasa ini akan dapat banyak membantu proses penyampaian pengetahuan praktikal secara berkesan dapat berlaku kepada bakal graduan. Dengan keterlibatan tersebut, ahli akademik mendapat pengalaman langsung tentang trend industri semasa.

Jurang yang lebar antara industri dan akademia memerlukan perhatian agar tidak terus melebar. Dengan ekonomi yang semakin berkembang dari sektor perindustrian dan sektor pendidikan juga turut berkembang, dilihat kedua-dua sektor ini berada pada titik persimpangan yang penting. Mewujudkan dan membina hubungan saling bergantung antara industri dan akademia adalah sangat perlu dan penting.

Usaha secara kolektif yang membawa bersama akademia, pakar industri, dan pembuat dasar untuk mencipta hubungan harmoni antara akademia dan industri dilihat sangat perlu dan penting. Hanya melalui usaha bersama seperti ini kita harap dapat mengatasi jurang dan membuka jalan bagi tenaga kerja yang terdiri daripada bakal graduan yang bersedia untuk menyumbang secara efektif kepada pertumbuhan dan kemakmuran berterusan negara.

Tanggungjawab untuk mengatasi jurang antara industri dan akademia tidak hanya terletak pada industri semata-mata. Peranan sektor di IPT pula harus memastikan bahawa tenaga pengajar dan ahli akademik dilengkapi dengan pendedahan dan latihan yang betul.

Tidak dinafikan ada sebahagian ahli akademik tidak memiliki pengalaman industri yang diperlukan, yang

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: MPP UiTM LEGA KPT TAK AMBIL PELAJAR BUKAN BUMIPUTERA

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 04

TARIKH : 17/05/2024

L

MPP UiTM lega KPT tak ambil pelajar bukan Bumiputera

Jumat 17/5/2024 M 84 R1F

Shah Alam: Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Teknologi MARA (UiTM) lega dengan kenyataan tegas Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang tidak sama sekali akan mengambil pelajar bukan Bumiputera

ke universiti itu. Yang Dipertua MPP UiTM, Amir Nur Rashid, berkata pernegasan dibuat Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zamby Abd Kadir bahawa tiada sebarang perbincangan pada pe-

ringkat kementerian atau Cabinet untuk membuka pengajian kepada bukan Bumiputera juga adalah titik noktah kepada isu berkenaan.

"Semalam (kelmarin), pihak KPT, iaitu Menteri dan Naib Canselor ada keluarkan kenyataan yang mana ia adalah satu bentuk jaminan yang MPP tunggu kerana ia boleh meletakkan 'full stop' kepada semua perkara.

"Isu ini (berlarutan) dari awal Mei sampai sekarang dan (dengan) kenyataan itu, saya ingin berterima kasih kepada Menteri dan Naib Canselor kerana memberikan penjelasan kepada isu ini," katanya ketika ditemui BH, semalam.

Mengulas mengenai kempen memakai baju hitam sebagai tanda sokongan membantah kemiskinan bukan Bumiputera dalam UiTM, Amir berkata, MPP hanya menjalankan kempen kesedaran supaya semua warga universiti dan alumni menunjukkan tanda solidariti dengan isu itu.

"Saya akui kita memang rancang (kempen pakai baju hitam) dan perkara itu adalah satu bentuk solidariti, ia bukan perhimpunan yang kita kumpul ra-



Tinjauan BH mendapati sebahagian pelajar memakai pakaian berwarna hitam dipercayai sebagai tanda sokongan kepada kempen dilaksanakan MPP di UiTM Shah Alam, semalam.

(Foto Faiz Anuar/BH)

mai-ramai dan membuat protes dengan memegang sepanduk dan sebagainya.

"Pihak Hal Ehwal Pelajar (HEP) tahu mengenai pergerakan ini dan saya sudah maklumkan kepada mereka berkenaan kempen ini dengan niat kita adalah untuk memberikan kesedaran," katanya.

Sementara itu, tinjauan di se-

kitar Dataran Cendekia UiTM Shah Alam, semalam mendapati ada pelajar yang memakai pakaian serba hitam dipercayai sebagai tanda sokongan kepada kempen dilaksanakan MPP.

Kelmarin, Dr Zamby dalam kenyataan berkata, isu kononnya UiTM akan dibuka kepada pelajar bukan Bumiputera sengaja dimainkan pihak tertentu.

Ibadat&Fadilat

Abu Darda' RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa menghafaz ayat 1 hingga 10 surah al-Kahfi, terhindar daripada tipu daya Dajal." (HR Muslim)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:49	1:17	4:39	7:29	8:43
Alor Setar	5:50	1:17	4:39	7:29	8:43
P. Pinang	5:51	1:17	4:40	7:28	8:41
Ipoh	5:50	1:15	4:37	7:24	8:38
Kuala Lumpur	5:50	1:12	4:35	7:20	8:34
Shah Alam	5:50	1:12	4:35	7:20	8:34
Johor Bahru	5:44	1:04	4:26	7:09	8:22
Kuantan	5:45	1:07	4:29	7:14	8:27
Seremban	5:50	1:11	4:34	7:17	8:31
Bandar Melaka	5:49	1:10	4:33	7:16	8:29
Kota Bharu	5:43	1:10	4:32	7:21	8:31
K. Terengganu	5:40	1:06	4:28	7:16	8:30
Kota Kinabalu	4:48	12:14	3:36	6:25	7:39
Kuching	5:19	12:39	4:02	6:44	7:57

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: KPT PEGANG TEGUH AKTA 173

SUMBER: HARIAN METRO MUKA SURAT : 17

TARIKH : 17/05/2024

Bernama

UiTM UNTUK BUMIPUTERA

Hm 17/5 ms 17

Kuala Lumpur

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mengakui cadangan membuka kemasukan pelajar bukan Bumiputera ke Universiti Teknologi Mara (UiTM) tidak pernah dibincangkan dalam mana-mana mesyuarat di peringkat kementerian atau Kabinet.

Menterinya, Datuk Seri Dr Zamzly Abd Kadir berkata, isu itu ternyata sengaja dijadikan polemik dan dimainkan pihak tertentu

KPT pegang teguh Akta 173

yang cuba mengganggu guag polisi serta objektif asal penubuhan UiTM, sekali gus menimbulkan kecelaran dan perbalahan pelbagai pihak.

"Seperti kenyataan saya

pada 2 Mei lalu, KPT sememangnya tidak pernah membincang atau membentarkan UiTM dibuka kepada pelajar bukan Bumiputera seperti yang sudah dimainkan.

"KPT berpegang teguh kepada Fasal 1A Akta 173 - UiTM ditubuhkan menurut dan mengikut peruntukan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan," katanya dalam kenyataan, kelmarin.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: BELIA TVET PERTANIAN PENTING, PASTIKAN KETERJAMINAN AGROMAKANAN

SUMBER: SINAR HARIAN MUKA SURAT : 18

TARIKH : 18/05/2024

Belia TVET pertanian penting, pastikan keterjaminan agromakanan

KEPALA BATAS - Pemerksaan modal insan dalam sektor agromakanan terutamanya dalam kalangan belia penting untuk pembangunan jangka panjang, selain mampu meningkatkan produktiviti dan kecekapan industri dan menjana hasil serta pendapatan yang tinggi.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPBM), Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, KPBM berperanan untuk mentransformasikan sektor pertanian ke arah yang lebih moden, dinamik dan kompetitif dengan melatih tenaga kerja berkemahiran.

Menurutnya, pelaksanaan program-program latihan yang berkualiti oleh pusat bertaualiah KPBM mampu melahirkan graduan berdaya saing untuk menghadapi cabaran dalam industri agromakanan negara dan seterusnya membangunkan sektor

agromakanan berteraskan Dasar Agromakanan Negara (DAN 2.0).

"TVET Pertanian yang merangkumi Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLPKP), Sijil Pertanian, Sijil Veterinar Malaysia, dan Sijil Perikanan di bawah KPBM adalah percuma dan ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan iaitu makan minum, penginapan dan yuran pengajian.

"Secara umumnya, pusat bertaualiah KPBM mencatatkan peningkatan dalam aspek kebolehpasaran graduan. Pada 2022, kadar kebolehpasaran graduan adalah sebanyak 72.3 peratus berbanding 67.1 peratus pada 2018," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan sesi Town Hall bersama Pelajar Institut Pertanian Zon Utara diadakan di Institut Pertanian Bumbung Lima di sini pada Jumaat.

Hadir sama, Ketua Setiausaha KPBM, Datuk Lokman Hakim Ali dan

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Datuk Azah Hanim Ahmad

Sementara itu, Arthur berkata, selaras dengan keperluan semasa tenaga kerja sektor pertanian dan agromakanan, KPBM komited untuk mengadaptasi teknologi pertanian terkini dalam proses pengajaran dan pembelajaran di pusat bertaualiah KPBM.

Jelasnya, bagi 2024, KPBM me-luluskan peruntukan RM26.3 juta untuk penyelenggaraan infrastruktur di pusat bertaualiah KPBM bagi menyediakan prasarana lengkap dan baik untuk para pelatih merangkumi 14 program pembangunan yang terlibat di seluruh negara.

Beliau percaya usaha itu akan dapat memastikan graduan daripada pusat bertaualiah KPBM mempunyai ilmu yang terkini dan boleh digunakan dalam memajukan sektor pertanian negara di samping dapat memenuhi keperluan semasa tenaga kerja mahir di dalam negara.



Arthur (kiri) ketika sesi Town Hall bersama Pelajar Institut Pertanian Zon Utara diadakan di Institut Pertanian Bumbung Lima pada Jumaat.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: KERAJAAN JAMIN TIADA PEMOHON TVET DITOLAK

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 04

TARIKH : 21/05/2024

Kerajaan jamin tiada pemohon TVET ditolak

u/m 21/5/24 m 84



PUTRAJAYA: Kerajaan memberi jaminan tiada seorang pun pemohon program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) ditolak menerusi permohonan yang dibuat sistem Unit Pengambilan TVET (UP_TVET).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, berdasarkan trend sebelum ini, pihaknya menjangkakan lebih 100,000 permohonan selepas saluran tunggal itu dilaksanakan kali pertama bagi Ambilan Perdana Januari lalu.

Menurut beliau, permohonan UP_TVET bagi Ambilan Perdana Julai ini pada masa kini sudah mencapai lebih 36,000 orang melibatkan semua institusi TVET di bawah tujuh kementerian dengan 744 kursus ditawarkan yang mula dibuka bermula 25 Mac lalu.

"UP_TVET menawarkan dua kategori permohonan iaitu ambilan perdana dua kali setahun iaitu Januari dan Julai manakala kategori kedua, ambilan sepanjang tahun melalui penggunaan saluran tunggal secara fleksibel.

"Permohonan meningkat tiga kali ganda atau 300 peratus berbanding sebelum ini. Kita jangka 30,000 tempat ditawarkan

AHMAD Zahid Hamidi mempengerusikan mesyuarat Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal Negara (MTVET) di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

ini dan khuatir ikut trend lama akan dimohon lebih 100,000. Jadi saya minta Sekretariat Majlis TVET Negara jangan seorang pun kecil hati untuk memperoleh tempat," katanya ketika berucap pada Majlis Peluncuran Sistem Pengambilan UP_TVET di sini, semalam.

Menurut Ahmad Zahid, walaupun pemohon tidak ada sijil akademik sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), pihaknya akan memastikan

setiap pemohon warganegara dapat memasuki mana-mana institusi TVET di negara ini.

Katanya, kursus-kursus yang ditawarkan juga akan menumpukan TVET bertaraf tinggi seperti kursus kecerdasan buatan (AI), internet kebendaan (IOT), robotik, kenderaan elektrik dan kursus-kursus yang sangat relevan dengan permintaan industri.

"Menerusi pelaksanaan sistem ini, saya benar mengharapkan Dasar TVET 2030 yang akan

diluncurkan Perdana Menteri nanti, lebih ramai akan timbul kesedaran dan kejayaan untuk mereka yang belum ada pekerjaan diberi latihan sewajarnya.

"Ia sekali gus membolehkan kadar pengangguran berada di tingkat paling bawah dan mungkin berada kurang satu digit kalau boleh, kerana memberi peluang pekerjaan berketerampilan lebih awal apa yang sepatutnya diperlukan oleh industri," katanya.

TAJUK: LEPASAN SPM DISARAN TINGKAT ILMU, KEMAHIRAN

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 23

TARIKH : 21/05/2024

Gaya • PENDIDIKAN

Oleh ROSALINDA MD. SAID
rosalinda.said@mediamulia.com.my

KEPUTUSAN peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023 yang akan diumumkan Isnin ini, melibatkan 395,870 calon.

Bagi golongan cemerlang, tentu mereka sudah ada pilihan haluan pendidikan masing-masing.

Namun, jika keputusan kurang memberangsangkan, jangan pula menganggap ini sebagai titik pengakhiran.

Walau apa jua gred diperoleh, termalih dengan hati terbuak dan manfaatkan 'cuti panjang' dimiliki untuk mempersiapkan diri dalam pelbagai segi sebelum melangkah ke menara gading.

Pensyarah Jabatan Bimbingan dan Kaunseling, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof. Dr. Mohammad Aziz Shah Mohamed Arif berkata, ia bertujuan memastikan tempoh rehat hampir enam bulan diisi dengan aktiviti berfaedah untuk masa depan mereka.

Berikut empat perkara boleh dilakukan lepasan SPM sementara menunggu panggilan ke universiti.

Pertama, meningkatkan ilmu dan kemahiran baharu.

Lepasan SPM disaran mendalam bidang-bidang yang disukai, yang tidak berkesempatan untuk dipelajari selama ini disebabkan kesibukan sebagai pelajar.

"Contohnya, jika berminat memasak, menjahit, membuat kek atau mengedit video, gunakan peluang yang ada untuk menambahkan skil.

"Boleh boleh mencuba kemahiran profesional yang berguna untuk bidang kerjaya misalnya mengikuti kelas bahasa Inggeris atau Mandarin di samping kemahiran kecerdasan buatan (AI)," katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Perkara kedua yang boleh dipertimbangkan adalah dengan bekerja sampingan termasuk di pasar raya, kedai-kedai, restoran makanan segera atau stesen minyak.

Ujarnya, amalan itu cenderung dilakukan oleh mereka daripada keluarga yang kurang berkemampuan.

Namun upah diterima sedikit sebanyak dapat menampung pembayaran yuran pendaftaran serta sara diri di universiti.

"Lepasan SPM yang berkemampuan juga boleh mengikuti kursus kemahiran penting seperti mendapatkan lesen memandu kereta atau motosikal.

Lepasan SPM disaran tingkat ilmu, kemahiran



LEPASAN SPM disaran mendalam bidang-bidang yang disukai, yang tidak berkesempatan untuk dipelajari selama ini disebabkan kesibukan sebagai pelajar.



MOHAMMAD AZIZ SHAH MOHAMED ARIF



FAIZ AZMI

Skil ini sangat penting dan berguna untuk masa depan golongan sasar, lebih mudah jika ia dapat diselesaikan awal sebelum kemasukan ke universiti.

"Skil ini sangat penting dan berguna untuk masa depan golongan sasar. Lebih mudah jika ia dapat diselesaikan awal sebelum kemasukan ke universiti."

"Yang keempat pula, saya sarankan lepasan SPM untuk sentiasa menjaga diri mereka sama ada dari segi kesihatan atau pergaulan," katanya.

Ini berikutnya, jika perkara itu diabaikan, ia berisiko merosakkan masa depan mana-mana individu termasuk golongan yang cemerlang.

Bahkan, motivasi untuk belajar juga boleherosot dek pengaruh negatif misalnya penglibatan dalam vape, gangsterisme atau leka bercinta.

USAH GOPOH JADI INFLUENCER

Mohammad Aziz Shah turut mengingatkan lepasan SPM untuk tidak gopoh mengejar gelaran pempengaruh atau influencer.

Katanya, kerjaya itu tidak seharusnya dijadikan sebagai matlamat utama golongan sasar apabila tamat persekolahan.

"Mereka terpengaruh melihat kejayaan influencer seperti Khairul Aming, sedangkan tanpa mereka tahu masih ramai golongan itu yang perlu bergelut untuk meraih hasil pendapatan."

"Jika ingin bergelar pempengaruh, jadilah pempengaruh yang 'cerdik' dengan memiliki kelulusan akademik kerana tanpanya, anda bakal berdepan risiko sangat tinggi di masa depan," katanya.

PLATFORM TIMBA PENGALAMAN

Bekerja sambilan merupakan peluang terbaik untuk lepasan SPM menimba pengalaman, selain faktor ganjaran gaji.

Bagaimanapun, pengasas portal kewangan, Financial

Faiz, Faiz Azmi meminta golongan sasar agar tidak terbuai dengan keseronakan bekerja dan memiliki duit hingga terlupa matlamat asal untuk menyambung pengajian.

"Kalau berhasrat ke menara gading, jangan gunakan alasan kerja sambilan untuk menangguhkan impian belajar kerana ia bukan satu-satunya pekerjaan seumur hidup anda."

"Jika setahun tertangguh, berkemungkinan boleh berlarutan hingga ke tiga tahun dan lama-kelamaan semangat pun mulai pudar," katanya.

Namun, bagi lepasan SPM yang tidak berhasrat untuk belajar disebabkan keputusan kurang cemerlang, mereka disarankan untuk fokus ke arah pembangunan kerjaya dan bukan bekerja secara main-main atau tidak serius.

Katanya, walaupun dengan kelayakan SPM, individu itu juga boleh berjaya dan maju dalam kehidupan.

"Tiada masalah jika mereka mahu terus bekerja makan gaji tetapi pastikan ada objektif," ujarnya.

BH Selasa, 21 Mei 2024

Nasional

5

Pemohon guna UP_TVET dijamin dapat tempat

Sistem padankan setiap kursus ingin diikuti berdasarkan syarat minimum kelayakan


Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi memberi jaminan setiap pemohon menerusi sistem Unit Pengambilan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (UP_TVET) akan ditawarkan tempat untuk melanjutkan pengajian dalam bidang berkenaan.

Timbalan Perdana Menteri, berkata ini kerana sistem itu akan memadankan pemohon dengan setiap kursus yang ingin disertai berdasarkan syarat minimum kelayakan dan tempat ditawarkan.

"Kita menjangkakan bahawa 30,000 tempat yang ditawarkan ini, saya kluatir akan ikut trend lama (seperti sebelum ini iaitu yang) akan dimohon lebih 100,000, jadi saya minta sekretariat (Majlis TVET Negara pastikan) jangan ada seorang pun berkecil hati (kerana tidak) peroleh tempat."

"Walaupun tiada sijil akademik sama ada Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), kita akan terima selagi



Ahmad Zahid diiringi Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad menyempurnakan Peluncuran Sistem Pengambilan UP_TVET di Putrajaya, semalam.
(Foto BERNAMA)

(pemohon adalah) warga Malaysia untuk memasuki mana-mana institusi TVET," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Peluncuran Sistem Pengambilan UP_TVET di Bangunan Perdana Putra di sini, semalam.

Kursus aras tinggi

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, bagi memperkasa bidang itu, kursus ditawarkan, termasuk beraras tinggi seperti dalam bidang kecerdasan buatan (AI), ken-

deraan elektrik (EV) dan robotik. Katanya, sistem UP_TVET yang bermula sejak Oktober tahun lalu menawarkan dua kategori permohonan iaitu menerusi Ambilan Perdana dua kali setahun iaitu ambilan Januari dan Julai serta Ambilan Sepanjang Tahun di semua 1,345 institusi TVET negara.

"Penggunaan saluran tunggal UP_TVET yang fleksibel dengan mengambil kira keperluan pelbagai syarat menjadi inisiatif yang membuka ruang seluasnya kepada rakyat untuk menyertai

bidang itu.

"Antara ciri UP_TVET ialah institusi akan menawarkan kursus kepada calon dan berpeluang untuk mendapat lebih daripada satu tawaran. Bagaimanapun, pada akhirnya calon hanya boleh memilih untuk bersetuju menerima satu tawaran," katanya.

Ahmad Zahid berkata, bagi ambilan Julai tahun ini membabitkan semua institusi TVET di bawah tujuh kementerian yang menawarkan 744 kursus sudah dibuka sejak Mac lalu dan akan ditutup pada 11 Jun ini.

KUSKOP sasar jana RM10j di pameran perdagangan Australia

Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Usahawan dan Kooperasi (KUSKOP) menyasarkan RM10 juta dijana usahawan bimbingannya pada Pameran Perdagangan Foodservice Australia 2024 di International Convention Centre (ICC), Darling Harbour, Sydney, Australia.

Pameran perdagangan yang berlangsung dari 19 hingga 22 Mei itu disertai seramai 14 usahawan produk halal dan diketuai Ketua Setiausaha KUSKOP, Datuk Seri Suriani Ahmad.

Suriani berkata, penyertaan usahawan di Foodservice Australia 2024 itu adalah hasil kerjasama di antara KUSKOP, Malaysian Industrial Development Finance Bhd (MIDF), SME Bank dan UDA Holdings Berhad.

Beliau berharap penyertaan kali pertama itu akan membuka peluang perniagaan yang lebih luas bagi usahawan tempatan, terutama dalam sektor halal di pasaran global.

"Ini juga selari dengan inisiatif memperkenalkan dan memperkuatkukan jenama Halal Malaysia serta memudahkan akses produk ke pasaran antarabangsa."

"Malah, pasaran halal global juga dijangka mencapai ASD\$9 trilion menjelang tahun 2030," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Suriani berkata, Pavilion KUSKOP memperkenalkan pelbagai produk halal berinovasi seperti 'Fiber Drink in Filter Cup', sos berperisa rendang dan minuman coklat gelap keluaran tempatan.

Katanya, turut dijual produk sedia untuk dimakan seperti bubur

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: PENDEDAHAN AWAL LITERASI DIGITAL LAHIR PENGGUNA
BERTANGGUNGJAWAB

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 09

TARIKH : 23/05/2024

Pendedahan awal literasi digital lahir pengguna bertanggungjawab

Kuala Terengganu: Pendedahan awal mengenai literasi digital yang menekankan adab dan etika penggunaan media sosial, wajar dilaksanakan bermula dari peringkat sekolah lagi untuk melahirkan pengguna media sosial yang bertanggungjawab.

Pensyarah kanan dalam bidang kewartawanan di Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Rani Ann Balaraman, berkata ia penting kerana kemunculan media baharu termasuk pelbagai platform media sosial kini bukan saja menarik golongan dewasa tetapi juga kanak-kanak.

"Ini (media sosial) adalah kehidupan kita sekarang, maka etika penggunaannya perlu diajar kepada anak-anak sebab dalam dunia sains dan teknologi ketika ini, ramai kanak-kanak sudah mula pegang (memiliki) telefon bimbit dan sedang 'galak' dalam media sosial," katanya.

Rani Ann yang terbabit dalam penghasilan Kod Etika Wartawan Malaysia versi baharu yang dilancarkan Kementerian Komunikasi pada 20 Februari lalu,

juga mencadangkan kerajaan melaksanakan program pendidikan kepada pempengaruh aktif menjalankan tugas 'kewartawanan warga'.

Katanya, ia bagi memastikan kandungan dihasilkan adalah beretika dan membantu pengikut mereka menjadi pengguna media sosial yang bijak.

Beliau menjelaskan, tema kewartawanan warga atau 'citizen journalist' mungkin kedengaran asing bagi sesetengah pihak tetapi secara definisinya, ia adalah sesuatu yang biasa dan menggambarkan hampir kesemua individu menggunakan me-

dia sosial ketika ini.

Katanya, terdapat dua jenis kewartawanan warga, iaitu kewartawanan warga berinstansi dan tidak berinstansi.

Editor tapis penulisan

Rani Ann berkata, kewartawanan warga berinstansi adalah mereka yang bernaung bawah mana-mana syarikat dan bergerak secara bebas untuk menulis berita, namun mempunyai editor yang akan melihat sesuatu penulisan itu sebelum ia disiaran.

"Bahayanya sekarang ialah kewartawanan warga tidak ber-

institusi, iaitu mereka yang menyampaikan sesuatu perkara atau maklumat sekali saja dan hilang selepas itu," katanya.

Rani Ann berkata, wartawan warga adakala bertindak membuat pelaporan yang disifatkan 'tidak masuk akal', misalnya sesuka hati mengambil gambar mangsa kemalangan jalan raya dan memuat naik dalam media sosial tanpa memikirkan sensitiviti keluarga, berbeza dengan amalan wartawan profesional.

Beliau memberikan contoh keputusan Mahkamah Sesyen Taiping, Perak, mengenakan denda RM23,000 terhadap seorang lelaki kerana memuat naik komen jelik berhubung tragedi helikopter Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) terhempas di Lumut yang mengorbankan 10 anggota, bulan lalu, sebagai mesej jelas mengenai keseriusan kerajaan mengekang tindakan tidak beretika dalam media sosial.

"Tindakan pantas kerajaan ini memberi mesej kepada rakyat supaya jangan membuat hantaran atau kerja kewartawanan warga sesuka hati tanpa pemikiran waras. Selain itu 3R



HARI WARTAWAN NASIONAL
SARAWAK, 25 - 27 MEI 2024

(agama, kaum dan Raja), kerajaan diharap turut memberi perhatian terhadap isu-isu lain yang berlaku dalam media sosial, terutama yang membabitkan privasi seseorang," katanya.

'Etika Teras Kewartawanan Mapan' diangkat sebagai tema Hari Wartawan Nasional (HAWANA) 2024 yang akan diadakan selama tiga hari bermula 25 Mei ini di Kuching, Sarawak, dengan kemuncak sambutan bakal dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, pada 27 Mei.

Lebih 800 pengamal media, termasuk dari negara jiran, turut dijemput menghadiri HAWANA 2024 yang dianjurkan Kementerian Komunikasi dengan kerjasama Kerajaan Sarawak, manakala Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) selaku agensi pelaksana.

BERNAMA

Bahayanya sekarang ialah kewartawanan warga tidak berinstansi, iaitu mereka yang menyampaikan sesuatu perkara atau maklumat sekali saja dan hilang selepas itu.

Rani Ann Balaraman,
Pensyarah kanan di Pusat Pengajian Komunikasi USM



Sempena Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan 2024

Penghayatan al-Quran serlah wajah Islam sebenar

● Prinsip wasatiyyah dalam melaksanakan tuntutan beragama sangat penting, supaya tidak taasub dengan sesuatu pandangan boleh memesongkan penafsiran sebenar ajaran Islam

● Umat Islam perlu berganding tangan dan bahu untuk membangunkan Malaysia menjadi negara menepati status ‘Baladun Tayyibatun wa Rabbun Ghafur’

Oleh Datin Paduka Hakimah Mohd Yusoff
bhrenanca@bh.com.my

Al-Quran adalah kalam Ilahi diturunkan kepada Rasulullah SAW melalui perantaraan Jibril AS. Ia bukan sekadar untuk dibaca, namun perlu diambil pedoman dan pengajaran daripada isi kandungannya.

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Dalam usaha membangun Ummah MADANI, merujuk kepada tatakelola adil dan berkesan dalam sejarah umat Islam di Madinah, dipimpin Baginda dan didukung warganya berbilang kaum

dan agama, al-Quran perlu dijadikan pedoman utama.

Justeru, menerusi ayat 10, Surah al-Hujurat, al-Quran membimbing kita memelihara keamanan dan kedamaian sesebuah masyarakat, dengan mengelakkan diri daripada sebarang bentuk pertelingkahan tidak menguntungkan, pergaduhan memanjangkan hasad dan dendam, serta perpecahan merugikan umat.

Firman Allah SWT bermaksud: “Sebenarnya orang beriman itu bersaudara, maka damaikan antara dua saudara kamu (bertelingkah) itu, dan bertakwa kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat”.

Segala pertelingkahan ini biasanya didorong hawa nafsu dan tindakan terburu-buru. Seharusnya, segala berita diterima perlu diselidik, supaya tidak bertindak gopoh mengikut rasa fanatik dan keghairahan semangat sebelum mendapat maklumat benar dan yakin.

Ia dinyatakan dengan jelas oleh Allah SWT pada ayat 6, Surah al-Hujurat

bermaksud: “Wahai orang beriman. Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidiki dulu (untuk menentukan kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu mengenainya), sehingga menjadikan kamu menyesali apa kamu lakukan”.

Oleh demikian, jika segala tindak di atas dapat dihindari, maka ia pasti menajahkan impak persaudaraan hebat, iaitu kesatuan kukuh dan teguh, hubungan mesra dalam berinteraksi dengan kepelbagaiannya dalam negara dan kerjasama utuh rakyat.

Mutakhir ini, kita melihat perbahasan mengenai isu agama dan perkauman dibincangkan dalam masyarakat. Kita meyakini dengan kecekapan pasukan keselamatan, mereka yang menüpukan sentimen agama dan perkauman ini akan dibendung dengan segera, bagi memastikan kestabilan dan kedaulatan negara tidak tergugat serta terancam.

Justeru, prinsip wasatiyyah ataupun kesederhanaan dalam melaksanakan tuntutan beragama sangat penting, supaya kita tidak taasub dengan sesuatu pandangan boleh memesongkan penafsiran sebenar terhadap anjuran agama seperti berjihad pada jalan Allah.

Apa yang disepakati jumhur ulama perlu diangkat sebagai pandangan majoriti dan bukannya menzahirkan pandangan minoriti yang ganjal. Al-Quran mengajar kita menjadi ummah terbaik seperti maksud firman-Nya: “Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat terbaik dilahirkan bagi (faedah) umat manusia (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara baik dan milarang perkara salah (buruk dan keji). Serta kamu pula beriman kepada Allah

(dengan sebenar-benar iman)”.

Selanjutnya, dalam membangun Ummah MADANI ini, perpaduan ummah sangat penting untuk merealisasikan lima prinsip maqasid syariah, iaitu menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga akal, menjaga keturunan dan menjaga harta.

Maqasid syariah bersifat dinamik dan sejagat, merentas agama, bangsa dan kaum serta boleh diterima sebagai nilai bersama. Jika umat Islam mampu bersatu dan berpadu berteraskan ukhuwwah Islamiah, maka rakyat berbilang kaum dan agama di negara ini akan beroleh manfaatnya.

Tumpahkan kesetiaan kepada negara

Wajah Islam sebenar mampu dijelmakan dalam bentuk tindakan, perbuatan dan akhlak, sesuai dengan sifatnya sebagai agama rahmah dan mengajurkan kasih sayang sesama insan.

Oleh demikian, kita perlu berganding tangan dan bahu di antara satu sama lain untuk membangunkan Malaysia menjadi negara menepati status Baladun Tayyibatun wa Rabbun Ghafur, iaitu negara yang baik serta mendapat keampuan Tuhan. Hindarilah segala sifat negatif seperti culas, malas dan memberikan pelbagai alasan dalam pelbagai tugas diamanahkan.

Sebaliknya, kita bangkit sebagai Muslim dan warganegara sentiasa menumpahkan kesetiaan kepada negara, berusaha dengan penuh ketekunan mencapai impian dicita-citakan, serta sentiasa optimis dengan kejayaan bakal dilakar pada masa hadapan.

Ia selari dengan hadis Nabi SAW diriwayatkan Imam Muslim bermaksud: “Sesungguhnya Allah SWT mengasihi seseorang, apabila ia melakukan sesuatu pekerjaan, maka dilakukan dengan penuh ketekunan”.

Sesungguhnya, masyarakat gemilang ditegakkan Islam dengan bimbingan al-Quran adalah masyarakat mempunyai adab sopan tinggi. Setiap warganya mempunyai kehormatan tidak boleh disentuh kerana kehormatannya sebagaimana daripada kehormatan masyarakat.

Agenda penyatuan ummah berteraskan ukhuwwah Islamiah, pasti akan menobatkan Malaysia sebagai negara sentiasa berusaha memelihara keamanan, hubungan baik sesama warganegara, serta kesatuan dalam kepelbagaiannya masyarakat majmuk dan seterusnya menjadi negara contoh kepada negara umat Islam lain di dunia.

Kesimpulannya, selari dengan penganjuran Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan 2024 berlangsung hari ini hingga 28 Mei ini di Auditorium Darul Makmur, Kompleks Penyiaran Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, Pahang, diharapkan ia mampu menjana penghayatan umat Islam dalam rangka memahami isi kandungan al-Quran untuk diamalkan dalam urusan kehidupan sehari-hari.

Selain itu, dengan menghayati elemen perpaduan ummah dianjurkan al-Quran, kita seharusnya membuktikan dengan tindakan praktikal dalam realiti kehidupan dan tidak sekadar slogan semata-mata. Sebaliknya, ia dapat dijayakan sebagai manual penting dalam membangun Ummah MADANI.

Wajah Islam sebenar mampu dijelmakan dalam bentuk tindakan, perbuatan dan akhlak, sesuai dengan sifatnya sebagai agama rahmah dan mengajurkan kasih sayang sesama insan



KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: DALAMI ILMU TVET DI JERMAN

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 07

TARIKH : 23/05/2024

Dalam Negeri

Utusan Malaysia
KHAMIS • 23 MEI 2024

7

Dalami ilmu TVET di Jerman



MUHAMAD Irshadudin Mohamad bakal mendalami ilmu dalam bidang pemprosesan makanan di Jerman. - UTUSAN

Oleh FADZIL ZAINOL
utusannews@mediamulia.com.my

IPOH: Dua anak muda tidak sabar mahu ke negara Jerman bagi mendalami ilmu Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dalam bidang masing-masing.

Mereka ialah Muhamad Nur Aiman Zainudin, 25, yang mengambil jurusan pengurusan hotel, dan Muhamad Irshadudin Mohamad, 21, dalam bidang pemprosesan makanan.

Mereka merupakan antara lima anak Perak yang akan diantar mengikuti Program Latihan Dual Vokasional di Jerman selama tiga tahun secara teori serta amali dengan kerjasama Felcra Education Services Sdn. Bhd. (FESSB) dan Study Germany.

German Dual Vocational Training (GDVT) itu dilaksanakan menerusi kerjasama antara Pusat Aspirasi Anak Perak (PA-

SAK) sebagai Sekretariat Jawatankuasa TVET Negeri Perak bersama FESSB dan Study Germany Sdn. Bhd.

Kata Muhamad Nur Aiman yang berasal dari Ipoh, TVET adalah penting kerana memberikan peluang kepada individu untuk memperoleh kemahiran praktikal seperti mana diperlukan bagi menghadapi keperluan pasaran kerja semasa.

“Sokongan hebat daripada PASAK dan FESSB dari segi aspek mental dan fizikal sangat membantu saya sepanjang program dilaksanakan.

“Saya berharap lebih banyak lagi program seperti ini bagi membantu warga Perak, selain melahirkan ramai anak muda yang mempunyai pakar dalam kemahiran industri,” katanya.

Perkembangan itu adalah sebahagian daripada hasrat kera-

jaan Perak di bawah pimpinan Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad yang menjadikan TVET sebagai agenda pembangunan negeri menerusi Pelan Perak Sejahtera 2030.

Langkah tersebut mengikut flagship ke-4 pelan iaitu Kori-dor TVET Malaysia, bertujuan melahirkan ramai bakat warga Perak yang berkemahiran dan memenuhi permintaan industri, selari dengan rancangan pelaburan berpuluhan bilion ringgit yang bakal dilaksanakan dalam negeri itu.

Muhamad Nur Aiman melahirkan penghargaan kepada kerajaan negeri atas peluang pendidikan tersebut yang baginya sangat berharga buat anak Perak dalam membina karier dan penting untuk pertumbuhan ekonomi negeri.

Muhamad Irshadudin pula berpendangan TVET adalah antara pilihan terbaik kerana ia membina kemahiran dalam setiap individu dan malah membuka peluang untuk mencari pengalaman di negara lain.

“Saya berharap dapat mengumpul banyak pengalaman dan ilmu di Jerman supaya dapat memberi semangat kepada anak muda yang lain yang mahu mencari pengalaman di negara asing,” katanya.

Beliau mengakui sedikit ber-gelut dalam mempelajari bahasa Jerman, namun menghargai peluang yang diberikan oleh PASAK dan FESSB.

Kedua-dua Muhamad Irshadudin dan Muhamad Nur Aiman kini dalam proses pembelajaran bahasa Jerman di Cyberjaya sejak Disember 2023 dan dijangka melanjutkan pendidikan mereka di kuasa ekonomi terbesar Eropah itu pada penghujung tahun ini.

2030
PERAK
SEJAHTERA

TAJUK: MAHASISWA HANYA 'BELAJAR', GAGAL PUENUHI PASARAN KERJA

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 17

TARIKH : 23/05/2024

Rencana

Utusan Malaysia
KHAMIS • 23 MEI 2024

17



ABDUL MUQIT MUHAMMAD

KEBEBAAN akademik merupakan roh yang menghidupkan masyarakat universiti. Tanpa kebebasan akademik, masyarakat universiti tidak akan mampu mencetuskan idea-idea baharu.

Tanpa kebebasan akademik juga, masyarakat di sekitar universiti tidak akan menerima manfaat hasil kewujudan universiti.

Namun, selama puluhan tahun, masyarakat universiti di Malaysia, khususnya ahli akademik dan mahasiswa telah dibungkam dalam era kegelapan pasca pelaksanaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) yang mula diperkenalkan pada 1971.

Tidak dapat disangkal lagi, bahawa benarlah AUKU telah meninggalkan luka yang besar terhadap mahasiswa sehingga kesannya terlihat sehingga ke hari ini.

Meskipun begitu, wajarnah beban kesalahan tersebut diletakkan sepenuhnya kepada AUKU? Meletakkan kesalahan sepenuhnya terhadap AUKU yang menyebabkan kesuraman daya fikir mahasiswa ialah pandangan yang terlalu dangkal dan mudah. Sedangkan AUKU tidak pernah dan tidak mampu menghalang mahasiswa dari berfikir dan berwacana, namun sejauh manakah mahasiswa di negara ini memanfaatkan ruang (daya fikir) yang tidak dapat ditembusi sebarang kekangan akta ini?

Beberapa tahun kebelakangan ini pula, kekangan AUKU sudah mula dikendurkan dengan beberapa siri pindaan terhadap akta tersebut. Terbaru, Dewan Negara meluluskan pindaan terhadap AUKU pada 2 April yang lalu bagi membolehkan badan mahasiswa memiliki autonomi kewangan.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambray Abd. Kadir turut memberi jaminan bahawa AUKU akan terus ditambah baik dari semasa ke semasa.

Sejak perubahan kerajaan buat kali pertama pada 2018, hakikatnya sudah banyak perubahan yang berlaku di universiti, misalnya sudah terdapat universiti yang membenarkan mahasiswa membentuk kesatuan (*union*) mereka sendiri, malah ada juga universiti yang membuka ruang kepada mahasiswa untuk menjadi ahli senat universiti. Meskipun begitu, ruang kelompongan tidak

Mahasiswa hanya 'belajar', gagal penuhi pasaran kerja



ADAKAH mahasiswa sanggup berubah dan tidak lagi trauma untuk bergerak aktif selepas Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) ditambah baik dari semasa ke semasa?

“

Mereka seperti masih trauma untuk bergerak aktif kerana masih terkesan dengan peringatan 'jangan sibuk berpolitik'.

dinafikan masih ada dan memerlukan penambahbaikan dari semasa ke semasa.

Tanpa menolak kepentingan perubahan dasar politik, mahasiswa harus jelas bahawa perubahan hakiki tidak hanya terahir dari perubahan politik, sebaliknya dipandu dari kesedaran jiwa, sikap dan idealisme.

Perubahan ini walau bagaimanapun kelihatannya seolah-olah dipaksakan dari atas dan bukannya berlaku secara organik. Keterujaan terhadap perubahan yang berlaku ini hanya disambut oleh segelintir mahasiswa sahaja dan gagal dikongsikan kepada mahasiswa secara keseluruhannya.

Rata-rata mahasiswa semacam masih berkongsi dogma yang diwariskan oleh ibu bapa mereka, bahawa tugas mahasiswa hanyalah 'belajar' dalam erti kata yang penuh sempit iaitu untuk

memenuhi kehendak pasaran dan mengangkat nilai-nilai individualistik.

Sikap pasif sebegini perlu menjadi kerisauan bersama kerana mahasiswa ini sepatutnya telah dipersiapkan untuk menjadi pelapis kepimpinan masyarakat, tidak hanya politik tetapi juga kepimpinan sosial.

Mereka seperti masih trauma untuk bergerak aktif kerana masih terkesan dengan peringatan 'jangan sibuk berpolitik', walhal di universitilah ruang terbaik untuk mahasiswa meneroka potensi diri dan menggilap idealisme mereka sebelum masuk ke dalam sistem yang bakal menggugah idealisme mereka.

Pesan Profesor Diraja Ungku Aziz ini sentiasa perlu didengari dan diambil iktibar oleh mahasiswa, 'belajar sambil mencabar, pengetahuan tidak terjuntai seperti pisang, bangsamu tidak termaju tanpa pemimpin berpengalaman mencabar dan terpelajar.'

KUALITI WACANA

Dalam ruang keterbukaan ini, peranan mahasiswa tidak wajar dibataskan dalam ruang pagar universiti. Sesuai dengan imej mereka selaku kelompok intelektual, kegiatan yang dijalankan seharusnya menzahirkan daya intelektual tersebut, misalnya melakukan

advokasi dan melobi kepada perubahan dasar, baik di peringkat negara atau universiti.

Dengan inilah, mahasiswa dapat memposisikan diri mereka dalam kancah masyarakat. Selama mana kewujudan mahasiswa tidak dirasai oleh masyarakat sekeliling kampus, mahasiswa perlu melakukan muhasabah kendiri ke atas kegiatan mereka selama ini.

Ini tidaklah pula bermakna mahasiswa hanya perlu melakukan aksi politik seperti unjuk rasa semata-mata. Yang lebih utama, kefahaman tentang aktivisme janganlah disempitkan definisinya kepada aktivisme politik semata-mata sebaliknya hendaklah mencakup ruang lingkup yang lebih luas.

Wacana aktivisme ini merangkumi isu-isu berkaitan isu pendidikan, misalnya silibus pembelajaran yang tinggi, hak pendidikan kanak-kanak tanpa negara (*stateless*), tahap malnutrisi yang rendah di perumahan rakyat, rampasan tanah orang asli dan pelbagai lagi isu-isu yang bersangkutan dengan kuliak mereka di universiti.

Wacana-wacana sebeginilah jika diperdebatkan dalam pagar universiti akan berhasil membentuk kematangan berfikir dan selanjutnya menentukan corak kegiatan

mereka di kampus.

Memahami makna dan falsafah universiti dalam erti kata yang sebenar dipercaya mampu membawa perubahan dalam tata fikir mahasiswa.

Malangnya, ruang dan masa yang strategik seperti minggu orientasi mahasiswa tidak pula dimanfaatkan sebaiknya untuk melentur fikiran mahasiswa sebelum mereka terpisah-pisah mengikut fakulti masing-masing. Sebaliknya, ruang tersebut hanya diisi dengan aktiviti-aktiviti yang tidak ubah seperti orientasi di peringkat sekolah.

Bagi pihak pentadbiran universiti ataupun kesatuan mahasiswa, modul-modul orientasi mahasiswa wajib disemak semula seandainya kita tulus ingin menyaksikan perubahan dalam masyarakat dan menyediakan pelapis-pelapis kepimpinan negara.

Satu kerugian yang amat besar kepada negara dan bangsa, apabila puluhan ribu mahasiswa yang keluar bergraduasi saban tahun masih gagal memahami tanggungjawab mereka terhadap masyarakat dan terus hidup sebagai entiti yang kontang nilai.

DR. Abdul Muqit Muhammad ialah Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dan merupakan bekas aktivis pelajar Universiti Malaya.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: TINGKAT KESEDARAN ISU KESIHATAN MENTAL MAHASISWA ELAK
LEBIH SERIUS

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 13

TARIKH : 23/05/2024

BH Khamis, 23 Mei 2024

MindaPembaca

13

Tingkat kesedaran isu kesihatan mental mahasiswa elak lebih serius

Anis Amirah
Abdul Latiffe
Universiti
Pendidikan
Sultan Idris

Isu masalah kesihatan mental dalam kalangan anak muda, terutama mahasiswa sering menjadi perkara yang membimbangkan masyarakat dan negara. Sekiranya isu ini tidak diberikan perhatian, ia mungkin akan menjadi kompleks dan sulit ditangani bahkan berpotensi mengancam nyawa dengan perilaku berbahaya seperti cubaan membunuh diri selain bertindak di luar kawalan.

Sebelum ini BH pernah melaporkan bahawa isu sebegini boleh mempengaruhi tingkah laku bunuh diri misalnya, ia membabitkan kes sehingga 1,142 pada 2021 berbanding 631 setahun sebelumnya.

Lazimnya, masalah kesihatan mental mahasiswa ini sering dikaitkan dengan beberapa faktor yang dapat mempengaruhi kesejahteraan mereka. Antara punca yang sering dikaitkan, termasuk tekanan akademik, masalah keluarga, isu sosial, kewangan, transisi hidup dan sebagainya.

Jika di kampus, ia membabitkan isu seperti tuntutan akademik yang tinggi seperti jadual kelas padat, bebanan tugasan serta tidak pandai mengurus masa belajar. Semua isu itu menyebabkan tekanan kepada mahasiswa hingga mungkin menimbulkan rasa putus asa, buntu dan kehilangan motivasi untuk belajar.

Mahasiswa yang tidak memiliki jadual belajar teratur, cenderung berasa tertekan untuk menyelesaikan tugasan kerana sukar membezakan antara perkara keutamaan dan keperluan hidup. Impaknya mereka akan berasa cemas dan kebingungan dalam menentukan tindakan yang harus dilakukan.

Bukan itu sahaja, masalah kewangan seperti biaya kuliah yang tinggi mendorong mahasiswa untuk mencari pekerjaan sambilan untuk membantu menuhi keperluan kewangan mereka. Jika masa

tidak diuruskan dengan baik, maka ia akan mengganggu tumpuan dan keseimbangan di antara akademik dan pekerjaan.

Semua pihak perlu berperanan

Persoalannya di sini, wajarnya kita hanya berdiam diri melihat masalah kesihatan mental mahasiswa ini? Tentu sahaja tidak. Jadi, semua pihak perlu berganding bahu memberikan dukungan dan sumber daya yang diperlukan untuk membantu mereka mengatasi masalah kesihatan mental.

Sebagai contoh, kaunselor berperanan menjadi pendengar simpati dan memahami tekanan yang dialami oleh mahasiswa tanpa terus menghakimi atau menilai perasaan mereka. Teknik ini membantu dalam membina hubungan kerja yang positif dengan mahasiswa.

Kesihatan mental yang baik dapat mempengaruhi seluruh aspek kehidupan mahasiswa, termasuk prestasi akademik, hubungan sosial, kesejahteraan fizikal dan mental

Selain itu, sistem *buddies* atau ‘sahabat’ boleh dijadikan inisiatif berkesan dalam menyelesaikan masalah kesihatan mental. Ini disebabkan mahasiswa boleh memberikan dukungan emosional dan membangunkan rasa kebersamaan antara satu sama lain.

Kaedah ini menyebabkan mereka tidak berada sendirian dalam perjuangan menangani isu ini, sebaliknya dapat meluahkan perasaan dengan teman sebaya yang mungkin mengalami masalah sama.

Kesihatan mental yang baik dapat mempengaruhi seluruh aspek kehidupan mahasiswa, termasuk prestasi akademik, hubungan sosial, kesejahteraan fizikal dan mental. Mahasiswa sudah tentu berasa bertambah bahagia, tenang dan mampu menjalani kehidupan dengan lebih baik jika emosinya stabil.

Kondisi kesihatan mental yang buruk akan menjaskan kesihatan mahasiswa seperti gangguan pemakanan contohnya anoreksia, bulimia atau gangguan makan berlebihan disebabkan tekanan melempau. Malah, ia juga mengganggu pola tidur mahasiswa seperti menyebabkan insomnia atau tidur berlebihan.

Menerusi amalan pendekatan proaktif dalam merawat kesihatan mental, individu dapat mengambil langkah untuk menjaga keseimbangan emosional dan kesejahteraan mereka sehari-hari, sekali gus dapat mengurangkan risiko terjadinya masalah yang lebih serius pada masa hadapan.

Oleh itu, sebagai masyarakat yang cakna kita perlu segera mengambil inisiatif awal dan beragam dalam meningkatkan kesedaran mengenai isu kesihatan mental mahasiswa sebelum ia menjadi lebih serius kerana ‘sesal dahulu pendapat, sesal kemudian tiada guna.’

TAJUK: 840 GRADUAN KECERDASAN BUATAN DALAM TEMPOH ENAM TAHUN

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 16

TARIKH : 23/05/2024

16

Utusan Malaysia
KHAMIS • 23 MEI 2024

Rencana



840 graduan kecerdasan buatan dalam tempoh enam tahun

MUKADIMAH

DALAM tempoh lima bulan akan datang, seramai 120 pelajar akan memulakan pengajian di fakulti pertama Kecerdasan Buatan (AI) negara di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) selama tiga tahun.

Persoalannya, adakah institut pengajian tinggi (IPT) negara sudah bersedia untuk menghasilkan ribuan pakar AI dalam beberapa tahun akan datang?

Ikuti wawancara NAIB CANSELOR UTM, **PROFESOR DATUK DR. AHMAD FAUZI ISMAIL** bersama wartawan *Utusan Malaysia*, **OMAR ZIN** baru-baru ini.

UTUSAN: UTM bakal membuka Fakulti AI pada Oktober ini. Bagaimana persediaan dari segi modul, subjek dan tenaga pengajar?

AHMAD FAUZI: Persediaan sedang giat dijalankan bukan sahaja bagi kursus yang akan ditawarkan semester pertama, malahan kesemua kursus yang akan ditawarkan sepanjang tiga tahun program Sarjana Muda Kecerdasan Buatan dengan Kepujian. Program ini merangkumi 20 kursus teras, 10 kursus elektif, projek sarjana muda, latihan industri dan kursus umum universiti.

Kursus-kursus ini bukanlah sesuatu yang terlalu baharu bagi pensyarah di UTM kerana sebelum Fakulti AI, mereka terlibat dalam penyelidikan dan pengajaran kursus-kursus berkaitan AI, matematik, pengaturcaraan, kejuruteraan dan aplikasi AI dalam pelbagai bidang.

Pembelajaran dan pengajaran biasanya akan mengikut panduan yang telah digariskan dalam Kursus Maklumat (CI) dan penyelarasan akan dilakukan secara slaid pengajaran, soalan ujian dan peperiksaan akhir. Modul pengajaran juga sedang dibangunkan bagi tujuan penyelarasan.

Tenaga pengajar bagi semua kursus tersebut telah dikenal pasti bersesuaian dengan kepakaran masing-masing. Semua pensyarah di fakulti ini akan berpeluang dan sedang mengikuti program-program peningkatan kemahiran dan latihan semula berkaitan AI bagi memantapkan pengetahuan yang lebih mendalam.

Persediaan bagi prasarana juga giat dijalankan termasuk pengubahaan ruang

Kita menggunakan program peralihan pekerjaan dan dasar untuk memastikan pengagihan manfaat AI yang adil dan mengurangkan ketidaksamaan ekonomi."

pengajaran dan pembelajaran sementara makmal akan dilengkapi peralatan perkakasan dan perisian terkini. Perundingan bersama industri bagi melengkapai tujuan ini turut dilaksanakan. 10 makmal berkaitan AI dengan kapasiti 30 hingga 40 pelajar juga sedang dibangunkan.

Keperluan fakulti AI di peringkat pendidikan tinggi?
Pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan (AI) Malaysia 2021-2025 menyatakan pendidikan AI yang komprehensif dan inklusif perlu ditawarkan bagi menghasilkan keperluan AI negara.

AI merupakan teknologi pengganggu (*disruptive technology*) yang bukan sahaja universal tetapi juga merupakan pembawa pengubah permainan (*game changer*). Visi AI dibangunkan di Malaysia bertujuan untuk memanfaatkan teknologi ini dalam meningkatkan peluang pekerjaan, memacu daya saing negara, menggalakkan inovasi dan keusahawanan demi mencapai kemakmuran ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan sosial dan

rakyat Malaysia.

Peluang pekerjaan dan memperoleh ijazah?

Antara peluang pekerjaan termasuklah jurutera AI, saintis penyelidik AI, pakar etika dan polisi AI, pakar kreatif AI, penganalisis risikan perniagaan, jurutera pembelajaran mesin (*machine learning*), jurutera visi komputer, jurutera robotik, jurutera pemprosesan bahasa semula jadi (NLP) dan saintis data.

Berapa banyak pakar AI yang kita perlu dan mampu hasilkan?

Mengikut pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan (AI) Malaysia 2021-2025, negara memerlukan seramai 200,000 bakat AI (pelbagai tahap pendidikan) di masa hadapan bagi memenuhi keperluan industri negara.

UTM melalui Fakulti AI bakal melahirkan 120 graduan Ijazah AI pada 2027, 180 graduan pada 2028, 240 graduan pada 2029 dan 300 graduan pada 2030 iaitu berjumlah 840 graduan dalam masa enam tahun.

Justeru, usaha melahirkan graduan berkepkakaran AI tidak hanya bertumpu di UTM malah perlu diusahakan oleh kesemua universiti awam dan swasta. Usaha ini boleh dicapai melalui inisiatif Konsortium Kecerdasan Buatan Malaysia (MAIC).

Selain daripada program sarjana muda, program di peringkat sarjana, kedoktoran, sijil profesional serta kursus-kursus pendek dalam bidang AI juga sedang dan bakal dibangunkan.

Manfaat yang bakal diraih hasil kewujudan fakulti pakar AI di masa akan datang?

Laporan Ekonomi Digital

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 2019 menganggarkan bahawa AI boleh menjana tambahan sebanyak USD13 trilion (RM61 trilion) dalam keluaran ekonomi global menjelang 2030 dan menekankan teknologi yang kuat ini mungkin mengakibatkan perubahan besar dalam pasaran tenaga kerja. Laporan McKinsey pada Ogos 2023 juga mendapati bahawa penggunaan AI generatif secara ketara dapat meningkatkan produktiviti tenaga kerja di seluruh bidang ekonomi.

Merujuk kepada MyDIGITAL Corporation, satu laporan oleh Pusat Industri Revolusi 4.0 berkennaan kesan AI ke atas ekonomi Malaysia yang menunjukkan bidang ini mampu menjana produktiviti hasil yang maksimum bagi ekonomi Malaysia sebanyak RM535.8 bilion (USD113.4 bilion) atau bersamaan dengan 25 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi 2022.

Bidang pembuatan dijangkakan menjadi penyumbang utama dan tenaga kerja bagi bidang ini melibatkan bilangan warga tempatan yang besar. Oleh itu, adalah menjadi keutamaan untuk negara menyediakan tenaga kerja yang mempunyai kemahiran yang diperlukan terutamanya dalam konteks AI untuk menghadapi perkembangan pesat teknologi AI yang telah mengubah cara syarikat dan organisasi beroperasi.

Bagaimana ancaman penyalahgunaan AI?

Menangani ancaman dalam penyalahgunaan AI memerlukan beberapa strategi utama garis panduan etika iaitu membangun dan mematuhi prinsip etika serta menubuhkan lembaga

etika bagi menyemak projek berkaitan AI.

Peraturan dan pematuhan penting bagi melaksanakan dan mematuhi rangka-kerja undang-undang yang memastikan pembangunan dan penyebaran AI yang selamat serta langkah keselamatan teknikal yang mereka-bentuk sistem AI yang dapat dijelaskan, kukuh, selamat dan diuji dengan teliti.

Kita juga perlukan kerjasama bagi mewujudkan standard industri, berkongsi penyelidikan dan menerima pakai amalan terbaik secara bersama. Kita juga perlukan penglibatan awam dengan mengekalkan ketelusan dan melibatkan pelbagai pihak berkepentingan dalam perbincangan mengenai AI. Ini termasuk kerjasama antarabangsa dengan menggalakkan perjanjian global dan berkongsi sumber untuk menyeragamkan tadbir urus AI.

Dari segi pendidikan, kita mendidik orang ramai dan melatih profesional mengenai amalan AI yang beretika. Dalam dasar ekonomi pula, kita membangunkan program peralihan pekerjaan dan dasar untuk memastikan pengagihan manfaat AI yang adil dan mengurangkan ketidaksamaan ekonomi.

Dengan mengintegrasikan strategi-strategi ini, masyarakat dapat menguruskan ancaman AI dengan berkesan di samping memaksimumkan manfaatnya.

Sasaran Fakulti AI?

Harap dapat menyumbang kepada pembangunan AI yang boleh memperhebat kemakmuran ekonomi, meningkatkan produktiviti sektor awam dan swasta serta menjadikan negara lebih kompetitif.

Syarikat swasta masih 'kurang kesedaran' ambil graduan TVET

**Kaji selidik
MEF dapati hanya
39.6 peratus
majikan tawar
sebagai
tenaga kerja**

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Satu kaji selidik oleh Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) mendedahkan, sebahagian besar syarikat swasta masih 'kurang kesedaran' untuk mengambil lulusan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) sebagai tenaga kerja mereka.

Tinjauan Gaji MEF Untuk Eksekutif 2023 membabitkan 262 syarikat swasta yang dijalankan baru-baru ini mendapati, hanya 39.6 peratus mengambil lulusan TVET, sekali gus menunjukkan majoriti majikan swasta tidak terbabit dalam pengambilan pekerja dari kalangan graduan berkenaan.

Presiden MEF, Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman, berkata dapat itu jelas menunjukkan jurang yang ketara dalam aspek kesedaran dan penerimaan graduan TVET yang masih rendah dalam kalangan majikan sektor swasta.

Malah, beliau berkata, sebanyak 7.8 peratus daripada responden turut menyatakan ketidakpastian mengenai pengambilan tenaga kerja dalam kalangan graduan TVET.

"Ini jelas menunjukkan terdapat keperluan untuk meningkatkan lagi pemahaman dan penghayatan potensi graduan TVET di sektor swasta."

Justeru, MEF berharap dengan pengenalan Dasar TVET Negara bulan depan, jurang ini akan diatasi dengan memupuk integrasi graduan TVET yang lebih mantap ke dalam pasaran tenaga kerja," katanya kepada BH.

Pada masa sama, Syed Hussain berkata, walaupun pendidikan TVET diterima baik kerana penekannya dalam membangunkan kemahiran teknikal dan amali, tinjauan MEF turut mendedahkan keperluan kritis untuk meningkatkan lagi kemahiran insaniah membabitkan pelatih TVET.

"Ini penting bagi memastikan graduan TVET bersedia sepenuhnya untuk cemerlang di tempat kerja."

"Berdasarkan kaji selidik itu, tiga kemahiran insaniah teratas yang kurang dalam kalangan graduan TVET ialah pemikiran kritis (43 peratus), kepimpinan (41.5 peratus) dan kemahiran sosial serta komunikasi (39.4 peratus)," katanya.

Namun, dapatan tinjauan MEF menunjukkan sebahagian besar syarikat menyediakan peluang latihan untuk graduan TVET dengan 65.3 peratus responden mengesahkan penyertaan mereka dalam program berkenaan.

Bagaimanapun beliau berkata, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan kerana hanya 23 peratus syarikat tidak menawarkan latihan amali pada masa ini, manakala 11.7 peratus lagi tidak pasti mengenai dasar latihan amali mereka.

Penuhi keperluan calon

Sebaliknya majoriti syarikat iaitu mewakili 72.2 peratus juga mengaku bahawa TVET memenuhi keperluan calon yang mungkin tidak cemerlang dari segi akademik.

"Ini sekali gus menandakan penghargaan atas keupayaan TVET untuk menampung spektrum pelajar yang lebih luas dan bukan tertumpu kepada kebolehan akademik sahaja.

"Selain itu, terdapat sentimen (81.4 peratus syarikat) bahawa TVET memainkan peranan penting dalam menangani pengangguran dalam kalangan belia dengan melengkapkan golongan muda menerusi kemahiran praktikal dan sedia bekerja.

"Ini menggariskan persepsi bahawa TVET berfungsi sebagai penyelesaian yang berdaya maju untuk menangani pengangguran



Kerajaan disaran meningkatkan insentif bagi menggalakkan syarikat swasta memberi peluang pekerjaan kepada graduan TVET. (Foto hiasan)

Eksklusif

dalam kalangan belia, menawarkan mereka peluang untuk memperoleh kemahiran yang boleh digunakan secara langsung dalam pasaran pekerjaan semasa," katanya.

Ini jelas menunjukkan terdapat keperluan untuk meningkatkan lagi pemahaman dan penghayatan potensi graduan TVET di sektor swasta.

Syed Hussain Syed Husman,
Presiden MEF

Syed Hussain menambah ber kata, terdapat konsensus yang kukuh dalam kalangan majikan apabila 90.7 peratus menyatakan keperluan penyediaan insentif kerajaan untuk menggalakkan syarikat menyediakan lebih banyak peluang latihan, menekankan kepentingan memberi insentif kepada penyertaan industri dalam program latihan.

"Pelbagai bentuk insentif kerajaan boleh ditawarkan kepada syarikat, contohnya insentif cu

kai, subsidi atau geran untuk syarikat yang menawarkan latihan kepada pelajar TVET.

"Insentif ini boleh membantu mengimbangi kos yang berkaitan dengan penyediaan latihan, termasuk perbelanjaan latihan, penyeliaan dan pentadbiran," katanya.

Mac lalu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mengumumkan Dasar TVET Negara yang akan dilancarkan Jun ini mempunyai matlamat penting menyediakan tenaga kerja berketerampilan untuk keperluan pasaran tenaga negara dalam bidang teknologi baru.

Beliau yang juga Pengurus J awatankuasa Majlis TVET Negara berharap dasar itu dapat mengubah persepsi segerintir masyarakat khususnya ibu bapa yang melihat TVET sebagai pilihan kedua, sedangkan potensi bidang berkenaan sangat besar, termasuk kebolehpasaran siswazah.



Dasar TVET Negara akan dilancarkan Jun ini berpotensi meningkatkan kebolehpasaran graduan. (Foto hiasan)

Ibadat & Fadilat

Abu Hurairah RA meriwayatkan Nabi SAW bersabda:
"Sesungguhnya syaitan menyelusup antara bani Adam - manusia - dengan dirinya. Disebabkan itu, dia ragu-ragu berapa rakaat dia mengerjakan solat. Maka apabila dia mendapati keadaan demikian itu, hendaklah dia melakukan sujud dua kali sebelum salam." (HR Ibnu Majah)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:47	1:19	4:43	7:32	8:47
Alor Setar	5:48	1:18	4:43	7:31	8:46
P. Pinang	5:50	1:18	4:43	7:30	8:45
Ipo	5:49	1:16	4:41	7:26	8:41
Kuala Lumpur	5:49	1:14	4:38	7:22	8:37
Shah Alam	5:49	1:14	4:38	7:22	8:37
Johor Bahru	5:43	1:05	4:29	7:10	8:25
Kuantan	5:44	1:08	4:32	7:16	8:30
Seremban	5:49	1:12	4:37	7:19	8:34
Bandar Melaka	5:48	1:11	4:36	7:18	8:32
Kota Bharu	5:42	1:11	4:36	7:23	8:34
K. Terengganu	5:39	1:07	4:32	7:18	8:33
Kota Kinabalu	4:46	12:15	3:40	6:27	7:42
Kuching	5:18	12:40	4:04	6:46	8:00